

02. 23. 14

SELANGOR DARUL EHSAN

Cetakan Pertama 1998

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk
atau cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis
daripada

PENERBIT PRISMA SDN BHD

NO. SYARIKAT: 154124-A
129, Jalan SS 25/2, Taman Mewah
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7034393 / 7034397

Fax: 603-7039367

ISBN 983-823-559-8 (SIRI)
983-823-565-2

MABOPA
No. Ahli: 8702

m
959.5115
ROS / (14)

Dicetak oleh **YEOHPRINCO SDN BHD**

26 SEP 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01077587

Siri Kenali Negerimu

Selangor Darul Ehsan



Roselan Abd. Malek
Azmi Yusoff

Penerbit Prisma Sdn Bhd

No Syarikat: 154124 - A
Petaling Jaya

SELANGOR DARUL EHSAN

**Kuala Lumpur
diisytihar sebagai
Wilayah
Persekutuan dan
sekaligus diberi
status bandar raya**

Pada 1hb Februari 1972, Kuala Lumpur dengan rasminya diberi taraf bandar raya. Dari tarikh itu Kuala Lumpur tidak lagi sebahagian negeri Selangor. Sebaliknya Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pesuruhjaya Ibu Kota telah melantik Tan Sri Lokman Yusof sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang pertama.

Pada tahun 1880, Kuala Lumpur yang dibuka dalam tahun 1850-an telah dipilih menjadi ibu negeri Selangor. Apabila negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang bergabung menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS), Kuala Lumpur telah dipilih menjadi pusat pentadbiran negeri-negeri tersebut.

Negeri Selangor Darul Ehsan didiami manusia sejak zaman prasejarah. Di kawasan Batang Berjuntai telah ditemui tiga keping alat besi yang dipanggil *tulang mawas* yang digunakan oleh manusia purba. Pada tahun 1905 dan 1944, gendang dan loceng gangsa pula dijumpai di kawasan Bukit Kuda, Kelang. Pada tahun 1964, alat-alat sedemikian juga dijumpai di kawasan Kampung Sungai Lang, Kuala Langat. Gendang dan loceng gangsa yang dijumpai itu serupa dengan gendang dan loceng gangsa yang ditemui di Dong So'n, Indochina. Oleh sebab itu, ahli-ahli sejarah berpendapat alat-alat yang ditemui di Kelang dan Kuala Langat itu sebenarnya berasal dari Indochina. Barang-barang tamadun Indochina itu dipercayai dibawa bukan sahaja ke Selangor tetapi juga ke seluruh Nusantara.



Kota yang memisahkan Selangor dengan Kuala Lumpur.

Penemuan itu membuktikan bahawa Selangor telah didiami manusia bertamadun sejak lebih 2.000 tahun lalu, dalam zaman prasejarah. Malah Selangor telah didiami manusia primitif ribuan tahun terdahulu berpandukan penemuan *tulang mawas* atau kepingan perkakas besi yang diperbuat oleh manusia pada zaman yang lebih awal.

Nama Selangor sudah digunakan sekurang-kurangnya sejak abad ke-14 lagi.

Bahan-bahan rujukan awal memberikan nama Selangor sebagai *Calangore, Salangor, Selingor, Sarahangor* dan sebagainya. Berdasarkan nama-nama tersebut ada pendapat yang menyatakan nama Selangor mungkin teretus daripada rangkaian kata sarang helang/lang. Mungkin pada masa silam helang bersarang dengan banyaknya di sekitar pantai Selangor, kata mereka.

Mengikut satu catatan dalam *Sejarah Melayu*, Paduka Seri Maharaja yang memerintah Singapura dalam abad keempat belas pernah dikunjungi oleh Tun Jana Khatib dari Pasai dan dua orang sahabatnya yang bergelar Tuan Di Bungoran dan Tuan Di Selangor.

Dalam abad ke-15 pula, daerah-daerah seperti Kelang, Jeram, Langat dan Selangor (bermaksud Kuala Selangor), pernah disebut

sebagai negeri takluk Kesultanan Melaka.

Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511, tampuk pemerintahan Kesultanan Melaka berpindah ke Johor dan kemudian ke Pulau Bentan, Riau. Namun begitu Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka yang berada dalam buangan itu masih mengekalkan kekuasaannya ke atas Selangor. Dalam tahun 1526, tercatat bahawa Selangor (Kuala Selangor) diperintah oleh seorang pembesar wakil sultan tersebut.

Pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458), Tun Perak, anak Tun Perpatih Sedang, bendahara Melaka pada masa itu, telah dilantik oleh orang Kelang menjadi penghulu mereka.

Semasa Siam menyerang Melaka, Tun Perak telah membawa beberapa banyak orang Kelang ke Melaka untuk membantunya menentang tentera Siam



Timah menjadi punca perbalahan di kalangan pembesar zaman dahulu. Keadaan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh penjajah Belanda dan British.

dan sekaligus menaikkan semangat penduduk Melaka.

Nama Jeram dan Kelang juga telah lama digunakan. Jeram ada disebut dalam *Sejarah Melayu*, karya Tun Seri Lanang. Catatan itu menyebut bahawa Sultan Mansur Shah telah melantik putera baginda, Paduka Seri China sebagai raja di tempat itu. Nama Kelang pula ada tercatat dalam karya agung Jawa *Negaraker-tagama* (1365). Kelang pada masa itu dikatakan negeri di bawah takluk kerajaan Majapahit. Darpada



Sebatang jalan yang dinamai bersempena nama seorang bangsawan Bugis. Opu ialah gelaran bagi bangsawan Bugis seperti Tun, Datuk dan sebagainya dalam sistem hierarki Melayu.

sumber-sumber itu, terbukti bahawa nama Jeram telah wujud sekurang-kurangnya sejak abad kelima belas dan Kelang wujud sejak abad keempat belas lagi.

Setelah Kesultanan Melaka berakhir, tempat-tempat di Selangor yang berada di bawah kesultanan tersebut, berpindah pula ke tangan Kesultanan Johor. Pengaruh Johor ke atas Selangor mula merosot pada abad ke-17, seiring dengan peningkatan pengaruh orang Bugis ke atas negeri itu. Salah seorang bangsawan Bugis yang datang untuk menetap di Selangor ialah Daeng Lakani.



Di kota inilah Raja Mahadi dan para pengikutnya berkubu semasa tercetus perang saudara dengan Raja Abdullah.

Dalam tahun 1700, To' Engku Kelang, wakil Sultan Johor di Kelang yang juga kerabat bendahara Johor, telah menghadiahkan satu cap mohor kepada seorang Yamtuan Bugis yang tinggal di kawasan Selangor (Kuala Selangor). Hadiah itu menandakan titik permulaan penguasaan pembesar Bugis ke atas Selangor. Meskipun pada rasminya kuasa masih di tangan Kesultanan Johor, tetapi melalui

Orang Bugis berasal dari Kepulauan Sulawesi. Pulau ini bergunung-ganang. Masih terdapat beberapa buah gunung berapi yang aktif di pulau ini. Gunung yang tertinggi ialah Gunung Rantekombola atau Gunung Mario. Tingginya 3,455 meter. Penduduknya tertumpu di bahagian tengah selatan dan juga di semenanjung selatan pulau ini. Di sinilah kebanyakan padi ditanam. Penduduk Sulawesi terdiri daripada enam kumpulan etnik yang utama: Toala, Bugis, Makasar, Minahas, Mori dan Gorontalo. Orang Bugis yang tinggal di selatan mahir dalam bidang perkapalan dan perdagangan. Sejak zaman-berzaman mereka belayar ke seluruh Nusantara untuk berniaga.

wakilnya To' Engku Kelang, para bangsawan Bugis mula berpengaruh dalam kehidupan harian dan pemerintahan Selangor.

Pengaruh golongan bangsawan Bugis semakin ketara setelah pemerintahan Johor berpindah daripada sultan kepada bendaharanya pada abad kelapan belas. Pada tahun 1721, misalnya, Daeng Perani telah mengalahkan Raja Kecil dari Siak di Riau. Keadaan demikian berlaku hingga tahun 1756 apabila Yamtuan Selangor

Raja Lumu menjadi Sultan Selangor yang pertama dengan gelaran Sultan Salehuddin Shah.

Raja Lumu adalah anak Daeng Chelak, salah seorang daripada lima saudara keluarga bangsawan Bugis, yang terdiri daripada Daeng Chelak (atau Daeng Pali), Daeng Perani, Daeng Menambun, Daeng Merewah dan Daeng Kemasi. Keluarga Bugis ini banyak meninggalkan kesan ke atas pemerintahan negeri-negeri Tanah Melayu.

Raja Lumu bersaudara dengan Raja Haji. Baginda memerintah Selangor antara 1756 dan 1778. Selepas kemangkatan baginda takhta Selangor berpindah kepada anakanda baginda, Sultan Ibrahim Shah.

Sultan Ibrahim Shah berkahwin dengan sepupunya, Raja Tengah iaitu anak kepada Raja Haji. Pada tahun 1784, Belanda menyerang Selangor. Serangan tersebut adalah susulan kepada perbuatan Sultan Ibrahim yang telah membantu Raja Haji menyerang Melaka. Akibat serangan Belanda itu Sultan Ibrahim terpaksa melarikan diri ke Bernam dan kemudian ke Pahang. Pihak Belanda kemudian melantik putera Raja Kecil, Raja Muhammad Ali sebagai pemerintah Selangor.

Sultan Muhammad Ali tidak dapat bertahan lama di atas takhtanya. Pada tahun 1785, Sultan Ibrahim kembali ke Selangor. Dengan pertolongan Bendahara Pahang baginda berjaya menghalau Belanda. Tetapi selepas itu Belanda menyerang Selangor sekali lagi. Pada bulan Jun 1786, perjanjian damai telah ditandatangani antara Sultan Ibrahim dengan pihak Belanda.

Pada tahun 1804, Sultan Ibrahim dan sepupunya Raja Jaafar telah

menyerang Perak. Pertelingkahan antara Perak dan Selangor ini akhirnya dimanfaatkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris. Peluang seperti itulah yang ditunggu-tunggu oleh pihak Inggeris untuk memperluas penglibatan mereka dalam perdagangan di Tanah Melayu. Pada tahun 1818 satu perjanjian ditandatangani bagi membolehkan syarikat itu menjalankan aktiviti perniagaan di Selangor.

Sultan Ibrahim mangkat pada 27 Oktober 1826. Selepas itu berlaku perselisihan di kalangan keluarga diraja dalam pemilihan pengganti baginda. Akhirnya mereka bersepakat untuk melantik Sultan Muhammad Shah (1826-1857) sebagai Sultan Selangor yang ketiga.

Selangor mula dilanda pergolakan politik. Keadaan menjadi tidak tenteram semasa pemerintahan Sultan Muhammad Shah. Ketika itu beberapa banyak lombong timah dibuka di Selangor. Orang Cina mula berpusu-

pusu ke situ. Sementara itu, para pembesar negeri mula memainkan peranan yang lebih ketara dalam hal ehwal ekonomi negeri. Mereka menentukan dan memungut cukai yang dikenakan. Cukai yang dikenakan itu nyata membebankan rakyat, tetapi sultan tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan. Malahan pada ketika itu negeri Selangor sudah berpecah kepada lima daerah, iaitu Selangor (bermaksud Kuala Selangor), Kelang, Langat, Bernam dan Lukut (kini Negeri Sembilan).

Raja Muhammad mempunyai tiga putera: Raja Sulaiman, Raja Othman dan Raja Yusof. Mereka tiga beradik ini sering bertelagah kerana merebut gelaran Raja Muda. Sultan Muhammad Shah melantik Raja Sulaiman sebagai pentadbir Kelang. Raja Sulaiman mangkat tidak lama selepas itu.

Sultan Muhammad Shah kemudian melantik menantu saudara baginda, Raja Abdullah sebagai pentadbir Kelang



Makam Sultan Abdul Samad di atas Bukit Jugra.

yang baru. Perlantikan ini tidak disenangi oleh Raja Mahadi, putera Raja Sulaiman. Setelah kira-kira tujuh tahun Raja Abdullah memerintah Kelang, baginda akhirnya diusir oleh Raja Mahadi. Raja Abdullah lari ke Melaka dan mangkat di sana.

Dalam pada itu, Lukut berada di bawah pentadbiran Raja Jumaat, menantu Sultan Muhammad Shah. Lukut ialah daerah pesisiran pantai yang merangkumi kawasan-kawasan dari Sepang ke Linggi, termasuk kawasan

Sultan Muhammad Shah mangkat pada tahun 1857 dan digantikan oleh menantu baginda, Sultan Abdul Samad. Sultan Selangor yang keempat itu adalah anak saudara kepada Raja Jumaat. Sultan Abdul Samad tidak dapat menguasai Selangor dengan sepenuhnya. Malah kuasa baginda terbatas di Langat sahaja.

Pada masa itu Kelang masih dikuasai Raja Abdullah, Bernam oleh Raja Hitam, Lukut oleh Raja Bot dan Selangor (Kuala Selangor) oleh Raja



(Atas) suasana damai di Bukit Gajah Mati tempat letaknya Kota Lukut. Kota ini telah banyak menyaksikan pertumpahan darah. Lukut kini di bawah naungan Negeri Sembilan. Telaga di sebelah kiri ini dikatakan pernah juga digunakan untuk menahan musuh yang ditangkap.

Port Dickson sekarang. Apabila Raja Jumaat mangkat, putera baginda iaitu Raja Bot mengambil alih sebagai pentadbir Lukut.

Muda Musa, putera Sultan Abdul Samad.

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad perebutan kuasa di Kelang antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi sampai ke kemuncaknya. Raja Abdullah ditewaskan, dan kemudian Raja Mahadi berpaling dan memberi sokongan kepada Sultan Abdul Samad.

Untuk mengatasi masalah dalam negeri, Sultan Abdul Samad telah

Tunku Kudin, menantu Sultan Abdul Samad. Baginda telah memainkan peranan yang besar dalam Peperangan Saudara di Selangor dan juga sejarah perkembangan Kuala Lumpur.



melantik menantu baginda iaitu Tunku Kudin (putera Kedah) yang berkahwin dengan Raja Arfah sebagai wakil baginda dalam hal ehwal pentadbiran. Tunku Kudin juga tidak disenangi oleh Raja Mahadi dan beberapa orang pembesar negeri yang lain.

Menjelang tahun 1870, Raja Mahadi telah menawan suatu kawasan yang besar, termasuk Kota Kuala Selangor. Walau bagaimanapun dengan bantuan Yap Ah Loy, Tunku Kudin berjaya merampas Kuala Lumpur daripada baginda. Pada bulan Julai 1874, Sultan Abdul Samad meminta Gabenor Negeri-negeri Selat membantu baginda mengaturkan tatacara pentadbiran Selangor. Gabenor itu bersetuju, dan pada

Sebuah sekolah di Batang Berjuntai, Kuala Selangor yang mengambil sempena nama putera Sultan Abdul Samad yang dilantik sebagai Raja Muda pada tahun 1920.



14hb September 1874 beliau menghantar Frank Swettenham sebagai penasihat baginda dalam hal itu. Pada tahun itu juga J. G. Davidson dilantik sebagai residen Inggeris yang pertama di Selangor. Swettenham pula dilantik sebagai Penolong Residen.

Campur tangan Inggeris meningkatkan kesannya. Kuasa Tunku Kudin dikekang. Pada 16 Mei 1875, Sultan Abdul Samad melantik putera baginda Raja Musa sebagai Raja Muda Selangor. Pada waktu itu juga sekolah Melayu yang pertama di Selangor dibuka di Kelang. Pada tahun 1878, Sultan Abdul Samad menyerahkan Lukut kepada Tengku Syed Abdul Rahman, Datuk Kelana Sungai Ujong. Seterusnya, pada tahun 1895 Selangor menyertai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS).

Sultan Abdul Samad mangkat pada tahun 1898 setelah memerintah Selangor kira-kira 31 tahun.

Sultan Selangor yang kelima ialah Raja Sulaiman yang bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Baginda



Bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina kira-kira 100 tahun dahulu masih kekal sebagai salah sebuah bangunan yang paling indah di Malaysia.

adalah cucunda kepada Sultan Abdul Samad.

Pada tahun 1920, Sultan Sulaiman melantik putera sulung baginda, Tengku Musauddin sebagai Raja Muda Selangor. Tetapi, pihak British telah mendesak sultan supaya melucutkan kedudukan putera sulung baginda itu dan menggantikannya dengan putera baginda yang lain, Tengku Alam Shah. Sultan Alauddin Sulaiman Shah mangkat pada 31 Mac 1938.

Tengku Alam Shah ditabalkan sebagai sultan Selangor yang keenam dengan gelaran Sultan Hishamuddin Alam Shah. Apabila tentera Jepun menguasai Tanah Melayu baginda telah dipecat dan digantikan dengan kekanda sulung baginda, Tengku Musauddin. Baginda diberi gelaran Sultan Musa Giatuddin Riayat Shah.

Apabila tentera Jepun menyerah

kalah dan pihak British kembali berkuasa di Tanah Melayu, takhta Selangor diserahkan semula kepada Sultan Hishamuddin Alam Shah.

Pada tahun 1950, Sultan Hishamuddin Alam Shah melantik putera baginda, Raja Abdul Aziz sebagai Raja Muda Selangor. Seterusnya Sultan Hishamuddin Alam Shah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kedua yang memerintah dari 14 April 1960 hingga 1 September 1960.

Dua hari selepas kemangkatan ayahanda baginda, Raja Abdul Aziz ditabalkan sebagai sultan Selangor yang baru. Baginda memakai gelaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pada 1 Februari 1974, demi kepentingan negara baginda bersetuju menyerahkan Kuala Lumpur kepada kerajaan persekutuan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

AMPANG

Ampang adalah salah sebuah bandar yang paling penting di Selangor. Bandar ini terletak kira-kira 8 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur. Kawasan ini terkenal sebagai Ambassadors' Row pada satu masa dahulu kerana di sini terdapat banyak kedutaan asing. Selain itu terdapat banyak bangunan lama peninggalan tauke-tauke lombong di sini. Pemba-ngunan pesat di kawasan ini telah mengubah wajah daerah yang bermula kira-kira 140 tahun dahulu. Asal usul nama Ampang masih kabur.

Perkataan *ampang*

dalam bahasa Melayu ditukar guna bagi membawa maksud empangan iaitu sekatan yang didirikan untuk menyekat aliran arus sungai. Kawasan ini dinamai Ampang mungkin kerana terdapat banyak empangan di sini pada zaman itu.

Pendatang dari Indonesia telah pun menduduki kawasan ini sebelum pelombong Cina mula sampai ke situ sekitar tahun 1857. Ada pendapat yang menyarankan kemungkinan tempat itu telah dinamai sedemikian oleh penduduk yang bertandang dari tanah seberang ini. Selain bercucuk tanam mereka *melampun* bijih timah secara sambilan. Melampun bermakna mendulang. Ada pendapat yang menyarankan Ampang adalah terbitan daripada perkataan lampun yang disalah sebut oleh golongan tertentu, khususnya orang Cina.

Namun daripada catatan sejarah awal kawasan ini yang dapat dikesan sejak pemerintahan Raja

Jalan Yap Ah Loy di tengah bandar raya. Namanya diabadikan kerana penglibatannya dalam sejarah awal Kuala Lumpur. Yap terlibat secara langsung dalam perlombongan bijih timah di Ampang dalam tahun 1850-an.



Abdullah dari Kelang, dakwaan ini didapati kurang tepat.

Dalam tahun 1857, bersama saudaranya Raja Jumaat dari Lukut, dengan bantuan kewangan daripada dua

saudagar Cina dari Melaka, Raja Abdullah telah menghantar satu rombongan pelombong Cina untuk meneroka kawasan ini. Rombongan yang terdiri daripada 87 pelombong dan dua ketua dari Lukut ini telah memudiki Sungai Kelang dalam beberapa buah perahu hingga sampai ke kuala Sungai Kelang dan sungai yang kini dinamai Sungai Gombak.

Dari situ mereka telah meneruskan perjalanan memudiki sebuah anak sungai hinggalah sampai ke satu kawasan yang kemudiannya dinamai Ampang bersempena empangan yang banyak dijumpai di sepanjang anak sungai itu. Ini menguatkan lagi dakwaan pertama bahawa pendatang dari Indonesialah yang mula-mula memberi nama tempat ini.

Ketika rombongan tersebut memudiki anak sungai itu mereka mendapati ada penduduk tempatan yang melampun iaitu mencari bijih timah dengan menggunakan sejenis dulang. (Kaedah ini kemudiannya diperluaskan penggunaannya dan

akhirnya disebut mendulang. Ada juga pendapat yang menyarankan bahawa nama Ampang mungkin juga terbit daripada kaedah ringkas yang digunakan oleh orang Melayu pada masa itu yang



Kawasan ini pernah diterokai oleh pelombong Melayu yang bernama Abdul Rani Bilal. Di persimpangan yang sibuk ini, teknik pembinaan yang disebut teknik sosrohabu digunakan untuk membina jejantas bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang menjadi beban kepada warga kota.

kebanyakannya melampun bijih secara sambilan selain bercucuk tanam.

Kejayaan rombongan asal dari Lukut itu telah membuka lembaran baru bagi kegiatan melombong bijih di daerah tersebut. Meskipun begitu harus diingatkan di sini hanya 17 daripada ahli rombongan pertama itu yang berjaya menemuph keperluan hidup dalam persekitaran yang jerih itu. Yang selebihnya mati akibat penyakit malaria.

Dalam bahasa Cina tempat tersebut dipanggil *an-pang* atau *on-pong* yang membawa maksud 'kawasan gelap'. Maksud kedua yang dapat diterbitkan

daripada sebutan nama ini membawa maksud 'mendamaikan kawasan'.

Nama yang diberikan oleh para peneroka Cina ini telah memberi satu sudut pandangan alternatif terhadap asal usul nama daerah ini.

Namun keperitan di kawasan yang telah meragut banyak nyawa ini tidak pula menumpulkan semangat mereka yang ingin mencari kehidu-pan baru dan mengejar keka-yaan di sini.

Dalam tahun 1859 hasil timah yang dieksport dari Ampang begitu meng-galakkan. Dari itu berlaku penghij-raham secara besar-besaran ke situ. Orang Cina dari tanah besar China dan mereka yang bertaburan di Tanah Melayu berpusu-pusu ke situ.

Arus penghijrahan ini m e m u n a k

selepas pembukaan Kuala Lumpur pada tahun 1860.

Pistiwa *Pembunuhan Beramai-ramai di Lukut* juga mencorakkan arus penghijrahan ini.

Ada pendapat yang mengatakan pembukaan industri bijih timah di Ampang telah mencetuskan pema-

ngunan yang pesat di Kuala Lumpur. Ini tidak benar kerana pada masa yang hampir sama kegiatan melombong bijih timah yang berpusat di Petaling, Sungai Besi dan Serdang juga sedang berkembang dengan pesatnya.

Selain orang Cina, orang Melayu juga terlibat dalam kegiatan melombong bijih timah. Antara yang ternama ialah Abdul Rani bin Bilal. Pusat kegiatannya kini



Bukit Belacan, itulah nama lama Taman Rimba Ampang. Tempat ini pada suatu masa dahulu merupakan kawasan perlombongan bijih timah yang dimiliki oleh pelombong berketurunan India seperti Doraisamy Pillai dan Cathiravillo.

merupakan satu kawasan yang amat sibuk iaitu di persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Hulu Kelang. Antara pelombong berketurunan India yang berjaya ialah Doraisamy Pillai dan Murugasen Cathiravailo. Mereka memiliki lombong di Sungai Petih dan Bukit Belacan.

BANGI

Bangi terletak di selatan pekan Kajang, kira-kira 32 kilometer dari Kuala Lumpur. Terdapat beberapa tradisi lisan tentang penerokaan Bangi yang asalnya kawasan orang asli. Bangi didatangi orang Melayu pada tahun 1870-an. Peneroka Melayu itu terdiri daripada orang Sungai Ujong yang lari semasa berlakunya peperangan antara Dato' Kela-na dengan Dato' Bandar.

Orang Melayu Sungai Ujong itu telah memudiki Sungai Semenyih. Ada juga di kalangan mereka yang berjalan kaki hingga ke hulu sungai itu. Pelarian dari Sungai Ujong itu telah sampai ke sebuah kawasan yang sesuai untuk dijadikan kampung halaman. Kawasan itu telah diberi nama Kampung Sungai Buah kerana mereka mendapati banyak buah-buahan di situ. Malangnya mereka terpaksa berpindah dari perkampungan itu kerana selalu diserang oleh gajah liar. Gajah-gajah itu

sering mengganggu keselamatan mereka serta memusnahkan tanaman.

Mereka telah berpindah dan menumpang di sebuah kampung orang asli yang batinnya bernama Bangi. Di kampung Bangi inilah peneroka awal seperti Tambun bin Perai, Haji Ismail, Abdul Rahman dan keluarga mereka memulakan kehidupan baru. Bersempena nama batin itu mereka menamakan kampung itu Kampung Bangi.

Di kawasan Bangi terdapat sebatang sungai. Sungai itu juga dinamakan Sungai Bangi. Menurut ceritanya, Batin Bangi amat suka berburu keluang. Pada suatu hari Batin Bangi telah pergi berburu keluang berhampiran dengan sebuah jambatan besi tidak jauh dari kampungnya.

Batin Bangi telah membaca jampi di kawasan tersebut sehingga keluang-keluang yang ada di kawasan itu tidak dapat

terbang. Keluang-keluang itu kemudian dibunuh dan dimasukkan ke dalam sebuah bakul yang dipanggil *ketigin*. Kampung itu dinamai Kampung Batin Bangi. Kira-kira dua rantai dari tempat kejadian itu terdapat sebuah lubuk yang kemudiannya dinamai Lubuk Alahan Keluang, bersempena peristiwa itu.

Cerita yang lain pula mengatakan bahawa Bangi dan kawasan sekitarnya

telah diteroka oleh orang Sumatera yang datang ke Selangor dalam abad keenam belas. Dalam abad itu banyak orang Sumatera telah berhijrah ke Selangor. Mereka bertumpu ke Kelang. Dari Kelang mereka telah berpecah mengikut haluan masing-masing. Ada yang

memudiki Sungai Kelang dan ada yang memudiki Sungai Langat serta cabang-cabangnya.

Apabila rombongan yang memudiki Sungai Langat itu sampai ke satu kawasan yang dianggap sesuai untuk dijadikan tapak petempatan, mereka meneroka kawasan baru itu. Kebiasaannya orang Sumatera itu akan menamakan satu-satu kawasan baru dengan nama kampung halaman asal mereka. Orang Sumatera yang sampai ke kawasan Bangi itu kebanyakannya

dikatakan berasal dari Air Bengis. Justeru itu mereka telah menamakan kawasan yang baru diterokai itu dengan singkatan nama kampung asal mereka iaitu Bengis. Melalui pergaulan mereka dengan penduduk Melayu tempatan, sebutan Bengis itu lama-kelamaan menjadi Bangi.

Satu cerita yang lain pula telah menafikan cerita tersebut. Menurut



Sebahagian Bandar Baru Bangi yang kini mengalami pembangunan yang pesat. Universiti Kebangsaan Malaysia yang banyak melatih para profesional negara juga terletak di Bangi.

cerita ini rombongan peneroka yang sampai di kawasan Bangi telah berkelahi kerana berebut tanah. Perkelahian itu sangat hebat atau *bengis-bengisan* kerana kemarahan masing-masing telah memuncak. Namun akhirnya perkelahian tersebut berjaya ditamatkan dan pendamaian dicapai. Mereka juga bersetuju untuk menamakan kawasan itu sebagai Bungis, mengambil sempena kejadian



itu. Hasil dari pergaulan penduduk yang berlainan loghat, perkataan Bungis itu akhirnya bertukar menjadi Bangi.

Menurut satu cerita yang lain, Bangi dan kawasan sekitarnya telah diterokai oleh orang Sumatera yang datang ke kawasan pedalaman negeri Selangor pada abad kesembilan belas. Salah satu rombongan orang Sumatera itu telah menjumpai sebuah kawasan terbiar yang sesuai untuk dijadikan tempat tinggal. Kawasan terbiar yang masih belum diterokai itu dalam istilah mereka dipanggil *terbangai*.

Sesudah mereka menentukan kawasan itu benar-benar terbangai maka mereka pun bermuafakat untuk membersihkannya dan membuka perkampungan baru. Rombongan itu juga telah bersetuju untuk menamakan

tempat baru itu dengan nama Bangai. Perkataan Bangai akhirnya telah bertukar menjadi Bangi, seperti nama yang ada sekarang.

Terdapat juga cerita lain yang mengatakan bahawa nama Bangi itu berasal daripada nama sejenis tumbuhan yang dipanggil serai wangi. Semasa rombongan peneroka dari Sumatera itu sampai ke kawasan ini setelah memudiki sungai, mereka tehidu satu bau yang sungguh wangi. Bau wangi itu datang dari serai wangi. Peneroka-peneroka itu menemui banyak rumpun serai wangi di sepanjang sungai itu. Bersempena dengan bau wangi itulah kawasan itu dinamai Bauwangi. Melalui masa, nama Bauwangi ini kemudiannya disingkatkan oleh peneroka-peneroka dari Sumatera itu dan akhirnya nama Bangi digunakan.

BATU CAVES

Batu Caves menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negeri sepanjang tahun.

Batu Caves terletak di sempadan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kira-kira 13 kilometer dari pusat bandar raya. Batu Caves telah sekian lama terkenal sebagai tempat

yang sangat menarik untuk dikunjungi oleh para pelancong tempatan mahupun luar negeri. Tarikan utama di tempat ini ialah sebuah gua batu kapur yang besar di situ. Ada bahagian gua ini yang bumbungnya menjulang hingga setinggi 130 meter dari paras lantai gua.

Kini gua batu ini dianggap suatu tempat yang suci oleh penganut agama Hindu di negara kita. Mereka menamakan tempat ini Batumalai (Bukit Batu). Setiap tahun pada perayaan Thai-pusam, mereka berkunjung beramai-ramai ke kawasan gua besar ini untuk melangsungkan upacara-upacara pemujaan Dewa Subramaniam. Setiap kali upacara keagamaan ini diadakan, Batu Caves dibanjiri lebih daripada setengah juta penganut agama Hindu dari serata pelosok tanah air dan juga dari negara-negara Asia Tenggara dan juga dari negara-negara Asia Selatan, seperti Sri Lanka





Setiap tahun semasa perayaan Thaipusam, ratusan ribu penganut Hindu dari dalam dan luar negara serta pelancong akan mendaki 272 anak tangga ini untuk sampai ke sebuah kuil di dalam gua ini. Pada hari-hari biasa tempat ini agak sunyi sahaja.

dan India. Bilangan pelancong yang datang untuk menyaksikan upacara-upacara itu juga tidak kurang besarnya.

Orang yang mula-mula menemui gua besar itu ialah orang asli. Nama penemu dan tarikh penemuannya itu tidak diketahui. Yang pasti, orang Melayu telah menyusuli orang asli sebagai penghuni kawasan yang berhampiran dengan gua itu. Mereka berhijrah ke situ sekurang-kurangnya sejak 1824 - tarikh catatan terawal yang wujud. Orang Melayu menamakan gua itu Gua Batu.

Pada masa itu gua ini hanya diketahui oleh penduduk tempatan, dan mereka tidak pula banyak bercerita tentangnya. Memang tidak ada sebab untuk mereka mengheboh-hebohkan kewujudan gua itu. Kawasan di sekeliling gua batu itu cuma ditumbuhi hutan yang tebal. Orang yang berjalan di lantai hutan melintasi kawasan itu pasti tidak menyedari kewujudan gua itu kecuali jika dia diberitahu terlebih dahulu tentangnya.

Apakah perasaan kita jika sedang



meredah hutan tebal tiba-tiba kita berhadapan dengan mulut gua? Mungkin terperanjat bercampur takut!

Itulah apa yang terjadi kepada William Hornaby pada tahun 1878.

Ketika itu Hornaby, seorang pengkaji haiwan dan tumbuhan dari Amerika, sedang berburu bersama-sama seorang penguasa polis. Sejak ditemui oleh Hornaby, Gua Batu tidak lagi tersembunyi daripada pengetahuan umum. Rupa dan namanya turut berubah.

Menurut kepercayaan orang asli di situ, Batu Caves dikatakan berasal daripada sebuah kapal besar yang telah menjadi batu setelah terkena sumpahan. Kalau dilihat dari jarak jauh, Batu Caves memang menyerupai

sebuah kapal laut yang besar. Bahagian mulut gua yang besar itu dipercayai pintu untuk masuk ke perut kapal tersebut. Rupa permukaan bukit di sekeliling gua itu juga kelihatan seakan-akan sebuah kapal.

Apabila kapal tersebut berlabuh, sebuah tangga yang amat tinggi disediakan untuk membolehkan anak kapal turun. Tangga itu turut menjadi keras apabila terkena sumpahan. Tangga itu mempunyai 272 anak tangga.

Tidak jauh dari Batu Caves terdapat Kampung Nakhoda, kampung yang terawal dibuka


di sekitar Batu Caves. Kampung Nakhoda juga dipercayai mempunyai kaitan dengan peristiwa sumpahan ke atas bukit Batu Caves.

Menurut ceritanya kawasan berbukit-bukau di sekitar Batu Caves yang diduduki oleh kaum asli itu pada mulanya sebuah perkampungan yang aman damai. Mereka mencari rezeki dengan berburu dan mengutip hasil hutan di situ.

Dalam masyarakat orang asli itu terdapat sebuah keluarga yang miskin. Keluarga tersebut tiga beranak. Si anak bernama Tenggang.

Sejak kecil Tenggang memang nakal. Segala nasihat ibunya tidak pernah diendakkannya. Bahkan dia lebih suka melawan segala nasihat ibunya. Bapa Tenggang telah meninggal dunia ketika Tenggang masih kecil lagi. Bapanya mati dibaham binatang buas sewaktu pergi berburu.

Walaupun Tenggang nakal, ibunya tetap menyayanginya. Setiap hari ibunya memendam rasa mengenangkan kenakalan anaknya itu. Namun dia hanya mampu menangis setiap kali menerima cemuhan penduduk



Pembawa kavadi. Amalan ini boleh disamakan seperti membayar 'nazar' dan juga sebagai satu tanda kesyukuran. Seseorang yang berniat untuk membawa kavadi diharuskan menyucikan diri dengan cara tertentu. Antara tuntutannya, dia harus berpuasa selama 40 hari; jauhkan diri daripada perbuatan yang keji seperti minum arak dan sebagainya dalam tempoh itu. Dalam tempoh ini dia tidak dibenarkan makan makanan berdarah. Hanya sayur-sayuran dan bijirin dibenarkan.



Dua penganut agama Hindu yang membayar niat dengan cara yang tersendiri. Cangkuk besi yang disemat pada tubuh tidak menimbulkan rasa sakit.



kampung ekoran kenakalan anaknya itu. Walaupun sudah meningkat dewasa, Tenggang tidak juga berubah. Sungguhpun begitu, Tenggang agak pintar. Dia suka berburu, sama seperti ayahnya.

Setiap kali Tenggang pulang daripada berburu, ibunya akan memanggag daging buruan anaknya.

Tidak jauh dari perkampungan Tenggang itu terdapat sebatang sungai yang mengalir deras. Sungai itu kini dikenali sebagai Sungai Gombak. Penduduk tempatan menangkap ikan di sungai itu.

Pada zaman dahulu Sungai Gombak agak besar seolah-olah seperti sebuah lautan. Pada suatu hari sebuah kapal dagang telah berlabuh di Sungai Gombak. Mereka hendak mengambil bekalan air minuman.

Ketika itu Tenggang sedang berada di sungai itu. Nakhoda kapal itu sangat tertarik melihat kecekapan Tenggang mengemudi sampan.

Pada suatu hari nakhoda tersebut telah memanggil Tenggang dan mempe-

lawananya mengikuti pelayarannya. Pelawaan nakhoda itu disambut oleh Tenggang dengan gembira. Sudah sekian lama dia berhasrat untuk keluar dari kampungnya itu.

Tenggang pulang ke rumahnya dengan tergesa-gesa sekali. Ibunya bertanya akan sebabnya, tetapi Tenggang cuma mendiamkan diri. Dia tidak mahu memberitahu ibunya berkenaan hajatnya itu. Apabila tiba hari kapal itu bertolak barulah dia memberitahu ibunya tentang keputusan yang telah diambil. Ketika itu ibunya sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi untuk menyekat pemergian anaknya.

Tenggang pun belayarliah meninggalkan ibu dan kampung halamannya. Setelah beberapa lama, Tenggang menjadi ahli pelayaran yang cekap. Akhirnya Tenggang dilantik menjadi

nakhoda dengan gelaran Nakhoda Tenggara.

Dalam pelayarannya itu Tenggara singgah di sebuah negeri. Di negeri itu seorang puteri raja telah jatuh cinta pada Tenggara. Puteri itu amat cantik paras rupanya. Tenggara juga jatuh cinta pada puteri itu. Akhirnya mereka pun berkahwin.

Tenggara tidak menjelaskan latar belakang dirinya yang sebenar kepada isterinya itu. Dia malu kalau isterinya mengetahui bahawa dia berasal daripada keluarga yang miskin.

Suatu hari, kapal Tenggara telah dipukul ribut. Mujurlah Tenggara dapat mengawal kapal itu yang akhirnya terdampar di tebing sebatang sungai. Kebetulan pula tempat itu kampung halaman Tenggara. Mendengar berita bahawa sebuah kapal dagang berlabuh di kampungnya, ibu Tenggara segera berlari ke pelabuhan. Dia membawa daging panggang yang diketahui menjadi kegemaran anaknya itu.

Dengan penuh harapan ibu Tenggara menaiki kapal itu untuk menemui anak yang telah lama meninggalkannya. Tetapi, disebabkan

rasa malu untuk mengakui bahawa perempuan tua itu adalah ibunya, Tenggara telah menolak ibunya ke dalam sungai. Terkapai-kapai ibu Tenggara di dalam air. Akhirnya dia berjaya berenang ke tebing sungai. Tenggara, anak yang disayanginya itu sudah melupakannya. Dengan pilu perempuan tua itu berseru kepada Sang Kelembai. Dia memohon supaya Sang Kelembai membalas perbuatan derhaka nakhoda kapal itu. Sekiranya itu anaknya, dia rela melihatnya menjadi batu daripada menjadi anak derhaka.

Sang Kelembai mendengar seruan perempuan tua itu. Sejurus kemudian kapal Tenggara pun bertukar menjadi batu besar. Di tempat bapa Tenggara pernah berdiri tumbuh sebatang pokok yang condong ke sebelah darat. Buahnya pahit. Di tempat ibunya berdiri tumbuh pokok yang condong ke laut. Buahnya manis, membayangkan kasih sayang dan kepiluan hati ibu Tenggara. Kampung Nakhoda yang terletak berhampiran dengan Batu Caves itu pula diambil daripada nama gelaran Nakhoda Tenggara.


BUKIT KUDA

Lakaran yang menggambarkan cerita seekor kuda yang jatuh ke dalam sungai setelah disumpah oleh Sang Kelembai ketika sedang minum air di Sungai Kelang.

Bukit Kuda terletak berhampiran dengan bandar Kelang, di antara Kampung Kuantan di barat dan Bukit Raja dan Kampung Jawa di timur. Bukit Kuda adalah suatu tempat yang bersejarah di negeri Selangor kerana di situ telah ditemui kesan-kesan peninggalan tamadun purba. Barang-barang purba yang ditemui di situ ialah loceng gangsa,

gong dan perkakas besi yang dipanggil *tulang mawas*.

Asal usul nama Bukit Kuda dipercayai ada kaitan dengan orang India yang datang ke kawasan itu. Kononnya, mereka yang tinggal di Bukit Segenting telah mengukir gambar seekor kuda di situ. Ukiran itu kemudian jatuh ke dalam Sungai Kelang akibat hakisan air.





Salah satu kawasan di Bukit Kuda yang kini menampung pelbagai jenis kilang.

Mengikut orang tua-tua, hanya orang yang bertuah sahaja dapat melihat ukiran kuda itu apabila air sungai surut.

Menurut cerita lain pula, pada zaman dahulu ada seekor kuda yang hendak minum air di Sungai Kelang. Kuda itu telah pergi ke tebing sungai ketika air pasang. Sang Kelembai yang secara kebetulan berada berhampiran dengan tebing sungai itu ternampak kuda tersebut. Ketika kuda itu tunduk dan sedang mengimbangi tubuhnya untuk meneguk air, Sang Kelembai telah datang lalu menegur kuda itu. Tiba-tiba sahaja kuda itu bertukar menjadi batu.

Oleh kerana ketika hendak meminum air itu kedudukannya tidak begitu stabil, kuda itu terus tersembam

lalu jatuh ke dalam sungai. Setelah kisah kuda itu diketahui oleh penduduk tempatan mereka pun menamakan kampung mereka itu Bukit Kuda.

Kuda bukanlah binatang asal negara ini. Oleh yang demikian dapatlah kita rumuskan bahawa cerita tentang pertemuan kuda dengan Sang Kelembai itu tidak lebih daripada satu dongeng semata-mata.

Sebaliknya, nama Bukit Kuda kemungkinan besar muncul setelah Kuala Lumpur dibangunkan. Kawasan itu dijadikan padang ragut kuda sementara menunggu dihantar dari Kelang ke Kuala Lumpur untuk dijadikan kenderaan atau untuk menyertai perlumbaan.

CHERAS

Mukim Cheras terletak 17.5 kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur dan enam kilometer dari bandar Kajang. Dalam mukim ini terdapat lima buah kampung tua iaitu Kampung Melaka, Kampung Sungai Raya, Kampung Batu 10 Cheras, Kampung Sungai Dukong dan Kampung Sekamat.

Ada banyak pendapat tentang kewujudan mukim Cheras. Setengah-setengah pendapat mengatakan bahawa Cheras telah

diterokai oleh Raja Sulaiman bersama-sama pengikut-pengikutnya dari Kelang. Mereka sampai ke situ setelah melarikan diri dari Kelang ekoran pergolakan politik yang berlaku pada masa itu. Penerokaan kawasan Cheras (yang pada masa itu belum bernama) dianggarkan berlaku sekitar tahun 1850.

Cerita lisan pula menceritakan bahawa kawasan petempatan terawal di Cheras telah

Kampung Sungai Raya, salah sebuah perkampungan asal di kawasan Cheras yang dikatakan telah dibuka kira-kira 150 tahun dahulu.



dibuka oleh Haji Talib, Said Biyed dan dua orang rakan mereka. Keempat-empat mereka adalah pendekar yang handal. Mereka dipercayai berasal dari Sungai Ujong dan telah lari dari situ setelah gagal dalam pergolakan politik yang berlaku di situ.

Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi cerita lisan yang cuba untuk menjelaskan tentang pembukaan Cheras. Dikatakan bahawa perantau-perantau dari Sumatera iaitu orang Minangkabau telah mendarat di Kelang dengan menaiki perahu. Mereka datang dalam kumpulan yang besar. Setelah tiba di Kelang mereka berpecah mengikut destinasi masing-masing.

Salah sebuah kumpulan yang besar telah memudiki Sungai Langat untuk mencari kawasan bagi memulakan kehidupan baru. Mereka berjaya menemui sebuah lembah yang belum didiami.

Mereka disusuli oleh orang Jawa. Orang Jawa itu juga telah membuka sebuah perkampungan tidak jauh dari situ. Kampung itu kini dikenali sebagai Batu 10, Jalan Cheras.

Nama Cheras dipercayai berasal daripada nama sejenis pohon. Terdapat dua pendapat berlainan mengenai nama ini. Mengikut pendapat pertama, orang Sumatera yang datang membuka kawasan di Cheras telah memudiki Sungai Langat dan tiba di suatu lembah yang subur. Di salah satu cabang Sungai Langat di lembah tersebut mereka telah terjumpa sebatang pohon berkayu keras yang besar di tebing sungai. Pohon keras di tebing sungai itu dikenali oleh mereka sebagai pohon teras. Maka kawasan itu dinamakan Teras dan sungai itu pula dinamai Sungai Teras.

Pendapat yang kedua pula mengatakan bahawa orang Minangkabau dari Sumatera itu mendapati banyak pohon teras di bahagian pedalaman lembah Sungai Langat. Kayu pohon teras itu amat berguna. Justeru itu mereka telah menamai kawasan petempatan itu sebagai Teras.

Ada pula yang mengatakan kemungkinan asal usul nama Cheras itu berasal daripada perkataan suatu dialek Cina. Dalam dialek Hakka (kebanyakan pelombong bijih awal di situ adalah orang Cina daripada suku Hakka dan Kantonis), Cheras disebut sebagai *Chou Lai* atau *Chiu-Lai*.

Dikisahkan bahawa orang Cina yang mencari rezeki di situ telah memanggil tempat itu sebagai *Chou Lai* yang bermaksud "lari kemari". Panggilan ini lahir kerana orang Cina akan lari meninggalkan tempat itu setelah sumber pendapatan mereka berkurangan. Hasil interaksi antara orang Cina dengan orang Melayu, sebutan itu lama-kelamaan bertukar menjadi Cheras.

Chiu-Lai pula bermakna ladang pisang. Di kawasan Cheras dahulunya dikatakan ada banyak ladang pisang yang besar, lantaran itu orang Cina merujuk kepada tempat itu sebagai *Chiu-Lai*. Daripada *Chiu Lai* itu lahirlah nama Cheras.

Sebutan *Chou Lai* atau *Chiu Lai* masih digunakan oleh setengah-setengah orang Cina untuk merujuk kepada Cheras.

Dalam sebuah jurnal tempatan, Penghulu Cheras, Said Yahya dalam tahun 1897 melaporkan bahawa:

"Petempatan di Cheras bermula lebih kurang empat puluh tahun dahulu. Penghulu pertamanya ialah Khatib Rawi



Kawasan yang dahulunya ladang pisang kini menjadi kawasan perumahan. Lereng-lereng bukit juga kini dijadikan kawasan perumahan. Akan kekalkah hutan ini?

dari Rembau. Dia disusuli oleh Penghulu Raja, seorang ketua dari Kuantan, dan Muhammad Amin dan Panglima Itam yang juga berasal dari Kuantan. Mereka digantikan oleh Datuk Bandar Patok.”

Banyak cerita yang didengar mengaitkan penemuan Cheras dengan kedatangan orang Minangkabau biarpun adat perpatih tidak diamalkan di situ. Dikisahkan bahawa lima orang peneroka yang bernama Abdul Rashid bin Abd Wahab, Haji Talib Ngah, Said Yahya, Ahmad Keling dan Haji Dahlan telah pergi ke kawasan Cheras pada tahun 1780-an. Kelima-lima peneroka dari Sumatera Barat itu belayar ke Tanah Melayu dari Medan.

Dari Medan mereka berperahu menyeberangi Selat Melaka dan

mendarat di Kuala Langat. Selepas itu, mereka memudiki Sungai Langat melalui kawasan Sepang menuju ke arah hulu. Beberapa kawasan yang dilalui mereka di sepanjang sungai tersebut seperti Reko dan Kajang didapati telah pun diterokai oleh pedagang-pedagang lain. Oleh yang demikian mereka meneruskan perjalanan sehingga tiba di sebuah cabang Sungai Langat iaitu Sungai Cheras.

Kawasan itu didapati sesuai untuk diteroka dan dijadikan kawasan petempatan. Pembukaan petempatan baru itu telah mendorong perantau-perantau lain untuk datang dan membuka kawasan yang berjiran dengan Cheras.

GOMBAK

Orang Melayu yang mula-mula menghuni kawasan Gombak dikatakan berasal dari Sumatera. Mereka mendirikan rumah mereka berhampiran dengan anak Sungai Kelang. Mereka menyara hidup dengan bercucuk tanam dan menternak binatang di situ. Orang Melayu dahulu gemar menamakan sesuatu tempat

jika sesuatu tempat itu sudah ada penghuninya tetapi masih belum bernama, maka tempat itu biasanya diberi nama bersempena penghuni yang paling awal datang ke situ. Oleh sebab itu, nama Gombak dipercayai diambil daripada nama orang, mungkin nama ketua kumpulan peneroka yang berasal dari Sumatera itu.

Pejabat Majlis Daerah Gombak, pusat yang mentadbir perkembangan pesat yang berlaku di daerah ini.



dengan berpandukan keadaan alam semula jadi atau peristiwa ganjil yang berlaku di situ. Sebaliknya,

Hal ini mungkin benar kerana Gombak bukanlah suatu nama yang ganjil di kalangan masyarakat



Tempat pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak.

Melayu di Sumatera. Rata-rata anak lelaki diberi nama itu sama seperti nama Muhamad atau Ismail di kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia.

Namun ada pula pendapat yang menyangkal kesahihan alasan yang pertama itu. Ini adalah kerana, pada pandangan mereka, nama orang jarang digunakan sebagai nama tempat kecuali setelah ditambahkan perkataan 'kampung' di hadapannya. Kalau itulah telahannya pendapat kedua memang boleh diterima. Tidak pernah pun terdengar orang menyebut 'Kampung Gombak' bagi merujuk pada tempat yang kini kita kenali sebagai Gombak.

Menurut pendapat yang kedua itu, nama Gombak lahir daripada perkataan gombak yang bermaksud jambul, seperti jambul ayam dan rambut jambul kanak-kanak.

Orang Melayu dahulu banyak yang mengamalkan adat memotong jambul kanak-kanak. Kumpulan perintis dari Sumatera itu dipercayai kuat berpegang pada adat, dan mereka turut mematuhi adat memotong jambul kanak-kanak. Jambul kanak-kanak yang dipotong itu kemudian dihanyutkan di sungai yang melalui perkampungan mereka. Lama-kelamaan kawasan penempatan mereka dipanggil Gombak dan sungai itu pula Sungai Gombak, mengambil sempena upacara pemotongan jambul kanak-kanak itu.

Namun Gombak kini bukan lagi sebuah kampung yang terpencil. Pembangunan sedang pesat berlaku di daerah ini. Di sini terdapat banyak kawasan perindustrian dan perumahan yang mewah. Batu Caves, tempat yang menjadi tumpuan penganut agama Hindu juga terletak dalam daerah ini.

JUGRA

Jugra ialah pusat pentadbiran satu kelompok perkampungan lama dalam daerah Kuala Langat. Pekan ini kira-kira 45 kilometer dari bandar Kelang. Kebanyakan bangunan di daerah ini adalah rumah Melayu tradisional. Berhampiran dengan kelompok perkampungan ini terdapat sebuah bukit yang dikenali sebagai Bukit Jugra. Bersempena nama bukit itulah diambil nama pekan Jugra. Perkataan Jugra dipercayai singkatan

kepada 'Gunung Guru', iaitu nama asal Bukit Jugra. Setengah-setengah orang mengaitkan Gunung Guru itu dengan legenda Puteri Gunung Ledang.

Tun Sri Lanang ada menyebut tentang Jugra dalam *Sejarah Melayu*. Menurut hikayat itu, Jugra pernah disinggahi Hang Tuah dalam pelayaran beliau ke 'Benua Keling dan Arab'.

Menurut satu cerita lain, nama asal Jugra ialah Tanjung Kera. Nama itu timbul kerana kononnya

pada zaman dahulu telah dijumpai seekor kera putih di situ. Kera itu dijumpai oleh seorang pedagang Ingeris setelah kapalnya karam di muara Sungai Jugra.

Apabila Sultan Abdul Samad berpindah ke situ, baginda telah menukarkan nama Tanjung Kera kepada

Makam Sultan Abdul Samad di Bukit Jugra.





Istana Sultan Abdul Samad (bawah) yang telah dibina kira-kira 150 tahun dahulu kini tinggal terbiar. Langkah-langkah pemulihan sedang dijalankan untuk menyelamatkan bangunan bersejarah ini. (Kiri) Penjara Jugra yang pernah digunakan sebagai mahkamah semasa pemerintahan British dahulu.

Apabila berlaku pergolakan politik dalam istana, Sultan Abdul Samad telah memindahkan pusat pentadbiran Selangor dari Kuala Selangor ke Jugra. Selain menjadi pusat pentadbiran, Jugra juga merupakan pelabuhan yang penting pada masa itu. Penjara lama yang diperbuat daripada batu ini pernah digunakan sebagai mahkamah semasa Inggeris mula bertapak di Selangor.



Bandar Temasya. Perpindahan baginda itu berpunca daripada pergaduhan yang berlaku pada tahun 1859 di Kuala Selangor. pusat pemerintahan negeri Selangor ketika itu. Menurut cerita itu, Tengku Puan Basik telah merampas kuasa di sana untuk puteranya, Raja Mahmud. Sultan Abdul Samad dan para pengikut baginda terpaksa berpindah dari Kuala Selangor ke Jugra. Selama

beberapa tahun Jugra menjadi pusat pentadbiran kerajaan Selangor selain menjadi pelabuhan penting pada suatu masa dahulu.

Di Jugra kini terdapat tinggalan sebuah istana. Istana Sultan Abdul Samad yang berusia kira-kira 150 tahun ini telah dibina berasaskan seni bina Melayu lama.

KAJANG

Kajang terletak kira-kira 25 kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur, di pertengahan jalan lama KL-Seremban. Bandar ini ialah pusat pentadbiran daerah Hulu Langat. Kajang terkenal di seluruh negara kerana keenakan sate'nya.

Kajang ialah sejenis atap bumbung yang diperbuat daripada daun rumbia atau daun nipah. Menurut cerita perkataan kajang diambil sebagai nama bandar itu berikutan satu peristiwa pembu-

nuhan yang berlaku di atas perahu yang ketika itu sedang menghilir sungai di tempat itu.

Dahulu, orang Banjar yang berasal dari Kalimantan, Indonesia sering menyusur Sungai Langat dan cabang-cabangnya untuk berniaga. Orang Banjar juga dikatakan cekap bermain pisau belati. Suatu hari, seorang pemuda Melayu telah menumpang kapal dagang orang Banjar untuk menghilir sungai. Di atas kapal itu berlaku sedikit

Bandar Kajang kini tidak lagi ketinggalan. Malah pembangunan yang pesat telah menimbulkan masalah terutamanya masalah lalu lintas.




perselisihan faham antara pemuda Melayu itu dengan salah seorang anak kapal tersebut. Mereka tidak dapat didamaikan lalu mereka pun terus bermasam muka dan tidak bertegur sapa.

Apabila hari sudah jauh petang, pemuda Melayu itu mengajak lelaki Banjar itu untuk berkajang di sebelahnya. Pemuda Melayu itu sebenarnya cuba untuk berdamai dengan memelawa lelaki Banjar itu berehat di sebelahnya kerana tempat itu berbung (daripada kajang). Akan tetapi, lelaki Banjar itu tersilap faham. Pada sangkaannya, dia telah dicabar untuk berada kekuatan. Tanpa berlengah, lelaki Banjar itu mengeluarkan pisau belatinya dan terus menikam pemuda Melayu itu. Pemuda itu mati dalam keadaan berlumuran darah.

Beberapa orang yang menyaksikan

peristiwa itu dari tebing sungai sangat terkejut dengan pembunuhan itu. Mereka kemudian mendapatkan mayat pemuda Melayu itu untuk dikuburkan di situ. Kemudian mereka menamakan tempat itu Kajang, sempena peristiwa di



atas kapal itu. Anak Sungai Langat yang di hilir itu juga ditukarkan namanya menjadi Sungai Kajang. Nama asal anak sungai itu ialah Sungai Batang.

KAMPUNG ATAP

Kampung Atap dipercayai kawasan petempatan yang tertua di Kuala Lumpur.

Malah petempatan yang paling awal di Kuala Lumpur ialah di Kampung Atap. Kampung Atap telah wujud ketika kawasan Kuala Lumpur masih dirujuk sebagai Hulu Kelang, iaitu suatu kawasan yang terletak di hulu Sungai Kelang.

Kampung Atap dahulu cuma terdiri daripada rumah-rumah kayu yang lebih bersifat pondok, dengan bumbung yang diperbuat daripada atap rumbia. Pada masa itu kampung tersebut menjadi tempat persinggahan yang penting bagi mereka yang memudiki Sungai Kelang. Kampung Atap merupakan persinggahan mereka yang terakhir sebelum mereka sampai ke kuala Sungai Gombak.

Kawasan petempatan Kampung Atap kemudian berkembang hingga ke kawasan sekitar pertemuan Sungai Gombak dengan

Sungai Kelang. Akhirnya pada bulan Ogos 1896, Kampung Atap diberi nama baru, iaitu Kuala Lumpur. Kuala Lumpur mencerminkan keadaan air di muara Sungai Gombak ketika itu yang dipercayai sangat berlumpur. Kuala Lumpur kemudian dipilih sebagai pusat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS).

Namun, kawasan asal Kampung Atap masih kekal dengan nama lamanya.

Seperti yang dinyatakan, pembangunan Kuala Lumpur bermula dari kawasan Kampung Atap, terutama selepas penemuan bijih timah. Kumpulan pelombong bijih timah yang pertama ke Kuala Lumpur seramai 87 orang Cina yang diketuai oleh Kapitan Cina, Hui Siew.

Kedatangan kumpulan pertama ini telah dibiayai oleh pentadbir Lukut iaitu Raja Jumaat dan saudagar-saudagar dari Melaka. Kawasan petempatan pertama mereka dinamakan

kan Ampang, bersempena empangan yang banyak dibina di situ.

Kapitan Cina yang kedua ialah Lin Ngim Kong. Lin kemudian memelawa kawannya Yap Ah Loy untuk menyertainya ke Kuala Lumpur. Apabila Lin meninggal dunia pada tahun 1868, Yap Ah Loy mengambil alih jawatannya sebagai

Kapitan Cina yang ketiga di Kuala Lumpur. Ketika itu negeri Selangor sedang dilanda perang saudara antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah.

Pada tahun 1872, Raja Mahadi berjaya menawan Kuala Lumpur daripada Yap Ah Loy, tetapi sebelum tiba tahun baru Kuala Lumpur kembali ke tangan Yap Ah Loy yang telah mendapat bantuan askar-askar dari Pahang. Yap Ah Loy meninggal dunia pada tahun 1884.

Pembangunan Kuala Lumpur sangat pesat. Pada tahun 1880, pejabat pentadbiran Inggeris dibuka di bandar itu.



Tapak kuil Sze Ya yang berusia 125 tahun ini dahulunya kebun kelapa kepunyaan Yap Ah Loy. Bangunan yang terletak di hujung Jalan Bandar Kuala Lumpur ini dibina dalam tahun 1864.

Bahagian dalam kuil ini dibina daripada tanah, tanah liat dan jerami padi. Oleh itu sepanjang masa keadaan di dalamnya sejuk.

Kuil ini bermula di Sungei Ujong. Kapitan Cina Sungei Ujong pada masa itu ialah Seng Kong. Pada zaman tersebut jawatan Kapitan Cina masih belum mendapat pengiktirafan British. Meskipun begitu, tauke-tauke lombong mengakui diri mereka Kapitan Cina. Pergaduhan sering berlaku antara tauke-tauke lombong dari Sungei Ujong (nama lama bagi Seremban) dan Kuala Lumpur. Seng Kong pada masa itu mendapat sokongan padu daripada Yap Ah Loy, yang pernah menjadi tukang masak di lombong Lukut. Dalam salah satu pergaduhan tersebut, Seng Kong terbunuh. Bagi memperingatinya, Yap Ah Loy telah memberi sebahagian tanahnya untuk pembinaan kuil ini. Sebelum kuil ini dibina, kawasan itu ialah kebun kelapa Yap Ah Loy. Kuil ini buka dengan rasminya pada tahun 1875.

Enam tahun kemudian perkhidmatan


kereta api dari Kelang ke Kuala Lumpur dimulakan. Stesen kereta api yang pertama di bandar itu dibuka pada tahun 1892, oleh Gabenor Sir Cecil Clementi Smith. Stesen kereta api yang ada sekarang dibina bersebelahan dengan stesen yang pertama itu dan dibuka pada tahun 1910.

Sekolah Inggeris yang pertama pula dibuka sekitar tahun 1890.

Victoria Institution bermula pada tahun 1894 di High Street (Jalan Bandar). Penubuhan



Bangunan Stesen Kereta Api (atas) Kuala Lumpur, salah sebuah bangunan bersejarah yang masih berdiri teguh walaupun sudah berusia hampir 100 tahun. Bangunan ini mencerminkan corak seni bina yang unik. (Kiri) Wisma Tun Sambanthan. Beliau adalah pengasas MIC.



Victoria Institution itu besarnya atas desakan Kapitan Cina Yap Kwan Seng, Loke Yew dan Thamboosamy Pillai. Pertambahan penduduk Kuala Lumpur bermakna pertambahan masalah keselamatan awam. Pasukan polis diperkuatkan dengan ibu pejabatnya di Bluff Road (kini Bukit Aman). Pada tahun 1891, Penjara Pudu mula dibina dan siap empat tahun kemudian.

KAMPUNG BUKIT BAKUNG

Pernahkah anda mendengar nama Kampung Bukit Bakung? Mungkin anda pernah mendengarnya tetapi tidak tahu di mana letaknya kampung tersebut.

Kampung Bukit Bakung terletak kira-kira tiga kilometer dari Pekan Banting. Keadaan alam semula jadi di sekitar kampung tersebut amat cantik, nyaman dan menawan sekali. Pemandangannya boleh menenangkan fikiran seseorang.

Pada zaman dahulu kampung tersebut diduduki oleh orang asli. Mereka hidup bersama dalam keadaan aman dan damai. Mereka saling bantu-membantu menjaga ketenteraman kampung. Kalau ada musuh yang datang hendak mengganggu sudah pasti mereka akan menentang habis-habisan. Orang asli di situ rajin bekerja. Setiap hari mereka turun ke kebun untuk bercucuk tanam. Mereka juga keluar untuk berburu

dan mencari rotan serta akar kayu di hutan.

Setengah-setengah penduduk di situ percaya bahawa nama kampung mereka berasal daripada nama pokok iaitu pokok bakung.

Beberapa orang penduduk telah menemui sebatang pokok yang amat besar dan tinggi semasa mereka sedang berburu di hutan. Pokok tersebut berada di atas puncak sebuah bukit yang tinggi. Bukit itu pula dikenali sebagai Bukit Tunggul. Setelah penat berjalan mereka berehat-rehat di bawah pokok itu. Ketika itu angin bertiup kencang. Beberapa orang yang sedang berehat di situ terperanjat apabila sebiji buah jatuh di tempat mereka berehat.

Mereka mendongak dan mendapati pokok tempat mereka berteduh itu sedang berbuah lebat. Mereka meneliti buah yang rupanya seperti cempedak itu dengan penuh minat. Salah seorang daripada mereka

bertanya mengenai buah tersebut. Malangnya tidak seorang pun mengetahui apa-apa mengenainya.

Akhirnya mereka mendapati bahawa buah tersebut datangnya daripada pokok bakung. Mereka tahu buah tersebut tidak boleh dimakan kerana isinya terlalu keras. Pokok bakung hanya tumbuh di kawasan pedalaman yang berhawa sejuk. Ini bermakna pokok bakung berada di tempat tinggi dan berangin.

Anehnya mengapakah pokok bakung itu berada di atas bukit yang berkeadaan kering dan panas itu? Inilah yang menjadi tanda tanya kepada penduduk di situ. Keadaan yang ganjil itulah yang menyebabkan mereka menamakan kampung tersebut dengan nama

Kampung Bukit Bakung. Nama itu kekal hingga sekarang.

Kampung Bukit Bakung merupakan satu tempat yang amat baik untuk berlindung dan menyelamatkan diri daripada musuh.

Semasa tentera Jepun menyerang tanah air kita dahulu tentera Inggeris telah memilih kampung tersebut sebagai salah satu tempat untuk berlindung. Di situ mereka berasa agak selamat kerana kampung itu terletak berhampiran dengan laut. Orang asli di kampung itu telah membantu melindungi tentera Inggeris yang diburu oleh tentera Jepun.

Kini di situ masih terdapat barang-barang peninggalan tentera kedua-dua pihak tersebut.

KAMPUNG HAJI ABDULLAH HUKUM

Kampung Haji Abdullah Hukum terletak kira-kira lima kilometer dari pusat bandar raya Kuala Lumpur menghala ke arah Petaling Jaya. Kampung ini sebenarnya terbahagi pada tiga bahagian. Bahagian tengahnya ialah Kampung Haji Abdullah Hukum yang sebenar; bahagian ke utaranya disebut Kampung Padang dan bahagian ke selatannya Kampung Paya. Walau bagaimanapun,

keseluruhannya kampung-kampung ini di beri nama Kampung Haji Abdullah Hukum.

Kampung Haji Abdullah Hukum meliputi kawasan di tebing Sungai Kelang yang dikurniakan oleh Almarhum Sultan Abdul Samad (1857-1898) kepada seorang panglima baginda yang telah banyak berjasa. Dari tempat kurniaan sultan itulah berkembangnya satu kawasan perkampungan yang kini didiami hampir

Rumah pangsa ini menempatkan penduduk Kg Haji Abdullah Hukum. Perkampungan tersebut sudah tidak wujud lagi akibat pembangunan yang pesat.



seribu keluarga. Kampung itu kemudian dinamai Kampung Haji Abdullah Hukum. Pelan Kampung Haji Abdullah Hukum telah diperolehi pada 14 Oktober 1930 daripada ketua kampung itu, Mohammad Amin bin Haji Mahmud bin Haji Abdullah Hukum iaitu cucu kepada peneroka kampung itu.

Haji Abdullah Hukum atau Ria Jaya berasal dari Sungai Abu, Kerinci, Sumatera. Dia berhijrah ke Sungai Ujong, Negeri Sembilan dalam abad kesembilan belas ketika masih remaja. Di Sungai Ujong dia berniaga kerbau. Tujuan utama Haji Abdullah datang ke Tanah Melayu dan menetap di kawasan Sungai Ujong, Negeri Sembilan ialah untuk menyatukan orang Melayu.

Dari Sungai Ujong Haji Abdullah berhijrah ke Bukit Nanas, Kuala Lumpur setelah mendapat tahu bahawa banyak orang Kerinci berkampung halaman di situ. Dari situ sekumpulan orang Kerinci berpindah ke Bukit Bangsar. Di situ mereka menanam kopi dan lada hitam.

Pada suatu hari, Haji Abdullah Hukum pergi menghadap Raja Laut (putera Raja Muhammad) untuk meminta sebidang tanah untuk dijadikan kampung baru. Raja Laut memberi kebenaran kepadanya untuk membuka tanah di Pudu. Haji Abdullah dilantik menjadi ketua penduduk di situ. Ramai orang Kerinci yang mengikutnya tinggal di Pudu (di kawasan Bukit Bintang sekarang).



Menara Kuala Lumpur di Bukit Nanas.

Haji Abdullah Hukum dan pengikutnya menanam sayur-sayuran, tebu, pisang, sirih dan berbagai-bagai tanaman lain di situ. Mereka juga bersawah padi. Haji Abdullah Hukum menjadi ketua kampung Pudu selama tujuh tahun. Dikatakan juga bahawa Haji Abdullah Hukum pernah menjadi nakhoda kapal mengambil upah membawa beras dari Kelang ke Kuala Lumpur. Dia mendapat upah \$40.00 untuk sekoyan (satu koyan ialah unit ukuran berat bagi bijirin, sama dengan 40 pikul atau 4000 kati) beras.

Selepas membuka kawasan Pudu, Haji Abdullah Hukum juga mendapat kebenaran daripada Raja Mahmud (putera Sultan Muhammad) untuk membuka kebun di Bukit Nanas. Kemudian dia mendapat kebenaran daripada Tuan Maxwell dan Raja Laut untuk membuka Sungai Putih di kawasan Jalan Bangsar sekarang. Semasa dia tinggal di Sungai Putih, Haji Abdullah Hukum telah membuka Bukit Candi Putra (sekarang Bukit Putera).

Haji Abdullah diangkat menjadi ketua kampung di Sungai Putih dengan persetujuan Penghulu dan Datuk Dagang. Setelah dilantik secara rasmi menjadi ketua kampung, Haji Abdullah berhenti meniaga kerbau kerana beban tugasnya telah bertambah.

Semasa menjadi penghulu inilah dia cuba untuk menyatukan tiga kaum utama di situ iaitu Melayu, Cina, India. Sebagai tanda usahanya itu, dia telah menamakan jalan utama di situ sebagai Jalan Bangsa bersempena penyatuan ketiga-tiga bangsa tersebut. Perkataan Bangsa kemudian bertukar menjadi Bangsar.

Apabila meletus peperangan antara Selangor dan Pahang, Sultan Abdul Samad telah meminta bantuan Datuk Dagang. Baginda melantik Datuk Dagang sebagai panglima dalam peperangan itu.

Untuk membalas jasa dan bakti Datuk Dagang, Sultan Abdul Samad telah mengurniakan sebidang tanah kepada Datuk Dagang. Tanah itu terletak berhampiran dengan Sungai Kelang. Kawasan berkenaan merupakan suatu kawasan yang strategik dari segi pertanian dan perhubungan. Di samping

itu Datuk Dagang telah dikurniakan kuasa untuk menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan masyarakat di kampung itu.

Datuk Dagang menjadikan kawasan itu sebagai perkampungan tetap untuk para pengikutnya. Kampung itu dinamakan Kampung Haji Abdullah Hukum bersempena nama ketua masyarakat para pengikutnya pada ketika itu. Pada ketika Haji Abdullah Hukum datang ke kampung itu, dalam tahun 1890-an, pekerjaan utama penduduk di situ ialah bersawah padi dan bercucuk tanam. Sejak tahun 1918, tahun Kampung Haji Abdullah Hukum dibuka, bilangan penduduknya telah meningkat dengan amat cepat.

Selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad pada 1898, Haji Abdullah Hukum telah berkhidmat dengan putera baginda, Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Haji Abdullah Hukum pulang ke Sumatera pada 1929, setelah berkhidmat sebagai ketua kampung itu selama tujuh atau lapan tahun. Menurut cerita, dia meninggal dunia ketika berusia 125 tahun. Haji Mahmud, salah seorang daripada enam orang anaknya telah mengambil alih tugas sebagai ketua kampung selepas Haji Abdullah Hukum mengundur diri.

Kini Kampung Haji Abdullah Hukum terletak di tengah-tengah kepesatan Kuala Lumpur. Harga tanah dan rumah kediaman di situ sudah melambung naik berpuluh kali ganda. Sudah tidak ada orang yang bersawah padi atau berkebun sayur di situ lagi. Tidak jauh dari situ sedang dibina sebuah kompleks membeli belah yang besar.

LUBUK PUSING

Pada zaman dahulu perhubungan melalui sungai sangat penting. Keadaan hutan yang terlalu tebal menyukarkan laluan darat. Lagipun di hutan terdapat banyak binatang buas.

Namun demikian, jalan sungai juga tidak kurang bahayanya. Buaya dan ular berbisa sentiasa menunggu mangsa yang kurang berhati-hati. Selain itu terdapat satu lagi gangguan yang kadang kala dihadapi oleh pengguna jalan air iaitu olak atau pusaran air. Pusaran air tidak sahaja berlaku di tengah-tengah lautan, tetapi juga di sungai.

Suatu masa dahulu, di hulu Sungai Bernam terdapat sebuah kampung yang dikenali dengan nama Kampung Lubuk Pusing. Tidak ramai yang tahu berkenaan tempat tersebut sebelum munculnya nama Kampung Lubuk Pusing.

Penduduk di sekitar kampung yang belum bernama itu menganggap

Sungai Bernam yang mengalir di situ berpuaka dan amat berbahaya. Anggapan mereka itu berpunca daripada hakikat bahawa lubuk di sungai tersebut telah banyak meragut nyawa manusia. Sesiapa sahaja yang melalui kawasan itu pasti tidak akan terlepas daripada mengalami petaka tersebut. Sampan yang dinaiki mereka akan berpusing-pusing sebelum tenggelam ditelan oleh pusaran air itu.

Menurut penduduk tempatan, apa sahaja yang menjadi mangsanya akan terus hilang. Semua usaha untuk mengesan mangsa yang hilang itu tidak pernah berjaya.

Hal demikian bukan sahaja menakutkan penduduk di situ tetapi turut merugikan mereka. Mereka tahu jalan air amat cepat kerana kebanyakan kampung terletak di tepi sungai. Lagipun sungai tersebutlah satu-satunya jalan untuk penduduk di situ berulang-alik ke pekan



Sabak Bernam untuk membeli barang keperluan. Lantaran itu penduduk di situ terus menggunakan Sungai Bernam tetapi dengan penuh hati-hati.

Pada suatu hari satu rombongan dari Bagan Datoh, Perak hendak pergi ke kampung tersebut. Mereka memudiki sungai itu. Biarpun sebelum ini mereka pernah mendengar cerita tentang peristiwa-peristiwa ngeri di sungai itu, mereka tetap ingin mencuba menyeberangi sungai tersebut.

Rombongan dari Bagan Datoh itu diketuai oleh Sheikh Haji Ahmad. Dialah yang dikatakan orang pertama yang berani meneroka kawasan itu sehingga menjadi sebuah kampung.

Sheikh Haji Ahmad telah mendapat tahu tentang berbagai-bagai kejadian ganjil tersebut daripada beberapa orang penduduk kampung yang berdekatan.

Namun Sheikh Haji Ahmad yang teguh pegangan agamanya mahu memastikan kesahihan cerita mereka.

Pada mulanya penduduk di situ kesal dan tidak berapa senang dengan sikap Sheikh Ahmad yang seolah-olah tidak mempercayai cerita mereka. Mereka memberitahu Sheikh Haji Ahmad bahawa berbagai-bagai usaha telah diambil untuk mengelakkan puaka itu daripada terus menggila, tetapi semuanya gagal.

Mereka menaburkan beras kunyit serta menyimbah darah binatang di sekitar sungai itu. Tujuan mereka ialah untuk menjauhkan kejadian yang tidak diinginkan yang kononnya disebabkan oleh penunggu. Tindakan mereka itu telah mendapat tentangan daripada Sheikh Haji Ahmad kerana bercanggah dengan ajaran Islam.

Sheikh Haji Ahmad menasihati mereka supaya meneguhkan iman dan yakin akan kebesaran Allah. Sebenarnya Sheikh Haji Ahmad seorang guru agama yang bersifat lemah lembut. Dialah yang mengajar penduduk di situ berkenaan selok-belok agama Islam.

Dari hari ke hari pusran air itu semakin mengganas. Setiap hari ada sahaja manusia yang menjadi mangsanya. Berbagai-bagai usaha yang diikhtiarkan oleh penduduk di situ tidak mendatangkan apa-apa kesan. Ada yang mengatakan penunggu sungai itu marah kerana permintaannya tidak dipedulikan. Akan tetapi, apakah permintaannya itu? Tidak ada sesiapa yang mengetahui jawapannya. Namun penduduk kampung sudah bersepakat untuk memenuhi permintaan itu biar apa sekalipun.

Apabila Sheikh Haji Ahmad mendapat tahu tentang keputusan mereka itu, dia terus membantah. Dia menyatakan rasa kecewanya terhadap mereka yang sudah menyimpang dari ajaran agama. Sepatutnya mereka bermohon kepada Allah agar malapetaka sedemikian tidak berlaku. Sebaliknya mereka berkeras hati

mengatakan penunggu di situ akan terus mengganas walau apa cara sekalipun yang digunakan.

Sheikh Haji Ahmad tidak mudah berputus asa. Dia terus menyeru penduduk di situ supaya turut menyertainya bermohon kepada Allah. Dia sendiri tidak mahu sungai yang menjadi alat perhubungan terpenting di kampung itu meragut nyawa lebih ramai penduduk kampung.

Doa yang dipohon oleh Sheikh Haji Ahmad termakbul juga akhirnya. Beberapa hari kemudian pusran air di sungai itu berhenti.

Penduduk di situ merasa gembira sekali kerana mereka bebas menggunakan sungai itu tanpa rasa takut lagi. Kini tidak ada lagi kejadian yang ganas dan ngeri di sungai itu. Sebaliknya sungai yang mempunyai pusran air ini telah bertukar menjadi daratan.

Setelah agak lama menetap di situ, Sheikh Haji Ahmad mengambil keputusan untuk menamakan kampungnya Kampung Lubuk Pusing. Nama itu diambil sempena memperingati pusran air yang dianggap berpenunggu oleh orang kampung. Sungai Bernam kini menandakan sempadan wilayah di antara Selangor dan Perak.

KELANG

Sebelum Shah Alam dibangunkan, Kelang merupakan pusat pentadbiran dan ibu negeri Selangor. Kini Kelang hanya dikenali sebagai Bandar Diraja Selangor. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai pejabat kerajaan di bandar ini, kebanyakannya pejabat pentadbiran daerah.

Menurut cerita lisan, nama Kelang timbul apabila orang yang mula-mula datang ke kawasan itu menemui kerang dengan

banyaknya di sekitar kuala sungai besar yang ada di situ. Sungai itu dinamakan Sungai Kerang, dan perkampungan dan daerah yang dibangunkan di situ juga dinamakan Kerang.

Penduduk kampung itu bekerja sebagai nelayan di samping bercucuk tanam. Penduduk kampung itu terdiri daripada suku-suku kaum Melayu, Banjar, Bugis dan Jawa. Orang Cina sampai ke Kelang tidak lama kemudian. Mereka membina perkam-

Masjid Sultan Sulaiman.



pungan di sekitar perkampungan penduduk rumpun Melayu. Masyarakat berbilang bangsa di Kelang itu hidup dengan aman dan damai.

Pada peringkat awalnya orang Cina hanya berkunjung ke Kelang untuk membeli hasil tanaman dan hasil laut seperti ikan, udang dan kerang daripada penduduk tempatan. Lama-kelamaan perhubungan orang Cina dengan

penduduk tempatan itu menjadi mesra dan mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di situ.

Tidak ramai orang Cina pada zaman itu yang fasih berbahasa Melayu kecuali kaum Baba Nyonya di Melaka dan di Pulau Pinang. Pertuturan antara orang Cina dengan orang Melayu waktu itu agak sukar untuk difahami.



Jambatan Kota, jambatan dua tingkat ini menghubungkan Kelang Utara dan Kelang Selatan.

Jambatan Kota di Kelang merupakan jambatan dua tingkat pertama yang didirikan di Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1959 jambatan ini telah dirasmikan oleh Sultan Hishamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah.

Jambatan yang merentangi Sungai Kelang ini berharga \$10 juta dan mula dibina dalam bulan Jun 1957. Bahagian atasnya dibina khas untuk laluan kenderaan berat seperti bas, lori dan kereta manakala di bahagian bawah ialah untuk basikal, beca dan pejalan kaki.

Jambatan Kota menemukan semula bandar Kelang Utara dengan Kelang Selatan yang terpisah sejak tahun 1941. Sebelum itu Jambatan Brickfields yang dibina 1907 merupakan penghubung utama. Jambatan itu telah dirobohkan dalam peperangan tersebut.

Sejak itu perhubungan menjadi sukar. Berbagai-bagai usaha dilakukan untuk merentasi sungai itu seperti membina jambatan batang kelapa dan perahu.

Apabila Inggeris kembali pada tahun 1945, dua buah jambatan (pontoon) pelampung didirikan. Namun jambatan itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Lori yang membawa muatan ke pelabuhan terpaksa mengikut jalan jauh. Penduduk Kelang Utara pula amat sukar mendapatkan bantuan kecemasan daripada polis, ambulans dan bomba kerana semua jabatan kerajaan berpusat di Kelang Selatan.

Oleh itu Jambatan Kota ini amat penting dalam usaha memesatkan lagi pembangunan di kedua-dua bahagian tebing bandar ini dan Pelabuhan Kelang khususnya.

(Kanan) Gedung Raja
Abdullah dan Kota
Raja Mahadi. (bawah)



Berbagai-bagai perkara yang disebut oleh orang Cina, dengan pelat mereka, sering sahaja mengelirukan orang Melayu. Namun begitu, lama-kelamaan hal tersebut tidak lagi menjadi masalah besar bagi orang Melayu. Mereka boleh memahami apa-apa yang diucapkan oleh orang Cina dengan merangkap maksud kata mereka.

Kepelatan orang Cina menjadikan perkataan kerang berubah menjadi 'kelang', nama yang kekal hingga sekarang. Perkara ini tidak dapat dipastikan. Namun sebilangan pembesar

di situ kemudian bersetuju untuk merujuk kepada tempat itu sebagai Kelang yang lebih singkat dan mudah sebutannya daripada

'Kelang'.

Setengah orang tua di Kelang pula mengatakan bahawa bandar mereka itu pernah disebut sebagai Pangkalan Batu. Nama itu timbul kerana di tempat perahu dan tongkang mendarat di bandar itu dahulu telah dibina tangga batu bagi memudahkannya pendaratan.

Kelang terus membangun dari segi sosio-ekonomi dan menjadi bandar yang terbesar dan terpenting di negeri Selangor sebelum wujudnya Kuala Lumpur. Bandar Kelang dijadikan ibu negeri Selangor sehingga tahun 1880.

KUALA KUBU BARU

Dalam tahun 1883, banjir besar telah menyebabkan empangan Kuala Kubu roboh. Akibat banjir itu hampir seluruh pekan Kuala Kubu tenggelam. Sejak peristiwa itu Kuala Kubu yang lama tidak wujud lagi.

Empangan yang pecah itu panjangnya kira-kira 1.6 kilometer dan lebarnya melebihi 91.4 meter. Empangan ini diperbuat daripada batang-batang kayu dan ditambah dengan tanah. Kejadian ini telah mengorbankan nyawa dan harta benda. Seramai 33 orang termasuk Cecil Ranking, Pegawai Daerah dan Majistret Inggeris yang pertama di daerah itu turut terkorban; 38 buah rumah hanyut.

Kuala Kubu dibuka pada kurun kelapan belas oleh orang Melayu. Mereka merupakan perintis kegiatan melombong bijih di daerah itu. Daerah ini juga pernah menjadi kubu pertahanan Raja Mahadi dan Syed Mashor menentang angkatan perang Tengku Kudin dalam Perang Saudara di Selangor dalam tahun 1867-1874.

Salah sebuah tasik yang terbentuk selepas peristiwa banjir besar tahun 1883. Tempat letaknya tasik ini dinamai Ampang Pecah, kira-kira 2 kilometer dari Kuala Kubu Baru. Terdapat banyak tasik seperti ini di sini.

Kuala Kubu yang terletak di daerah Hulu Selangor pada mulanya kawasan terpencil yang didiami oleh orang asli. Tempat ini kemudian menarik perhatian orang Melayu setelah bijih timah ditemui di situ. Malah bijih timahlah yang mencorakkan pembukaan Kuala Kubu dan menjadikannya bandar terpenting di daerah Hulu Selangor.

Orang Melayu yang mula-mula tertarik ke tempat itu kebanyakannya

berasal dari Sumatera. Mereka berhijrah ke situ dan mendirikan sebuah perkampungan di situ. Satu kejadian yang menjadi buah mulut penduduk tempatan, khasnya generasi tua hari ini ialah cerita berkenaan empangan pecah. Kisahnya bermula apabila Cecil Ranking yang merupakan Pegawai Daerah dan majistret Inggeris yang pertama di situ menembak buaya putih yang dianggap keramat atau puaka.



Perpustakaan Daerah Hulu Selangor ini dinamai bersempena nama Syed Mashor, pembesar tempatan yang berpadu tenaga dengan pasukan Raja Mahadi dalam Peperangan Saudara Selangor.



Perbuatan tersebut telah mendatangkan balasan yang dahsyat. Satu banjir besar telah berlaku hingga menyebabkan empangan di situ pecah. Akibatnya, banyak penduduk terkorban. Munasabah jika dikatakan peristiwa-peristiwa banjir besar dan pembunuhan buaya putih itu tiada kaitan. Mungkin masanya telah tiba untuk empangan itu pecah dan roboh memandangkan usianya ketika itu sudah meningkat 100 tahun. Tambahan pula empangan itu dibina daripada pasir, tanah dan batang-batang kayu sahaja. Cuma secara kebetulan buaya putih itu ditembak ketika hujan lebat turun untuk beberapa lama di situ.

Kemudian, apabila pihak Inggeris menggalakkan kemasukan orang Cina dan India ke kawasan itu keadaan mula berubah. Di sekitar Kuala Kubu, orang Cina telah ditempatkan di lombong-lombong manakala orang India bekerja di ladang-ladang getah. Pada masa berlakunya perang saudara antara Raja

Mahadi dan Syed Mashor dengan Tengku Kudin dan Yap Ah Loy, kawasan itu telah dijadikan kubu pertahanan kerana kedudukannya amat strategik untuk menangkis serangan. Justeru kesesuaian tempat itu sebagai kubu pertahanan yang baru maka tempat itu dinamakan Kuala Kubu. Selepas perang saudara itu tamat pada tahun 1873, kemasukan orang Cina ke Kuala Kubu semakin bertambah.

Galakan yang diberikan oleh pentadbiran British nyata berjaya merangsang pertumbuhan tempat itu sejak mereka campur tangan pada tahun 1874. Pentadbiran baru itu telah melaksanakan beberapa kemajuan melalui pembangunan infrastruktur. Pekan dan jalan-jalan baru dibina untuk mendorong para pelabur ke situ. Sejak tahun 1883 lagi pentadbiran Inggeris telah mengubah corak kegiatan ekonomi dan keadaan sosial di Kuala Kubu.

Namun pusat pentadbiran British itu telah dipindahkan ke tapak lain pada



(Kiri) Pekan Kuala Kubu Baru.

tahun 1931. Pemin-
dahan itu sebenarnya
kesan sampingan
kegiatan perlom-
bongan yang memus-
nahkan kawasan pekan
dan pusat pentadbiran
di Kuala Kubu.
Hakikatnya perlom-
bongan bijih timah di
situ dijalankan tanpa
mempertimbangkan
kepentingan untuk
memelihara alam
sekitar. Malah kegiatan
melombong itu hanya
dijalankan semata-mata
untuk memperolehi
keuntungan seberapa
banyak yang dapat.

Pasir dan tanah dari lombong-
lombong bijih timah dibiarkan mengalir
lalu mendap di dasar Sungai Selangor.
Lama-kelamaan sungai itu menjadi cetek
dan kerap berlaku banjir apabila hujan



Tugu dalam gambar di bawah ini didirikan untuk memperingati pertabalan King George V pada tahun 1937. Tugu ini didirikan di pintu depan Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia, daerah Hulu Selangor.

turun lebat. Akhirnya pekan dan pusat
pentadbiran terpaksa dipindahkan ke
tempat baru itu, sehingga kawasan
petempatan asal mengalami masalah
kekurangan penduduk.

KUALA SELANGOR

Bandar Kuala Selangor terletak di muara Sungai Selangor, kira-kira 70 kilometer dari Kuala Lumpur. Tempat ini tidak jauh dari dataran sawah padi Tanjung Karang. Kuala Selangor dahulu disebut Kuala Sungai dan kemudian sebagai Selangor sahaja.

Menurut cerita orang tua-tua, nama Selangor itu muncul ketika orang Bugis mula-mula sampai ke pantai negeri itu. Mereka berhajat untuk menawan

kawasan Kelang. Akan tetapi, untuk menewaskan Kelang mereka harus melancarkan serangan dari Kuala Selangor.

Pasukan Bugis berjaya menewaskan orang Kelang tetapi pertempuran telah mengorbankan banyak jiwa. Oleh kerana itu medan pertempuran itu kemudian menjadi kawasan tumpuan langau (lalat besar bewarna hijau). Kononnya daripada perkataan langau itulah lahirnya nama Selangor.

K u a l a Selangor sebuah bandar yang bersejarah. Salah satu tempat yang menarik untuk dilawati di situ ialah Kota Malawati yang terletak di atas Bukit Selangor. Anehnya, nama kota itu juga diceritakan lahir daripada perkataan 'melawat'. Nama Malawati

Salah sepucuk meriam di atas Bukit Kota Malawati. Kota Malawati merupakan kubu pertahanan yang penting dalam sejarah awal Selangor. Di sini juga terletak makam sultan Selangor yang pertama serta keluarga baginda.



Angkatan perang Inggeris telah menyerang pekan Kuala Selangor dalam tahun 1871. Serangan tersebut adalah ekoran peristiwa yang berlaku pada 14hb. Jun 1871 apabila sebuah tongkang Cina dari Pulau Pinang telah diserang oleh lanun-lanun. Tiga puluh empat orang telah terbunuh. Tongkang itu telah dibawa oleh lanun-lanun tersebut ke Kuala Selangor. Gabenor Negeri-negeri Selat telah menghantar satu rombongan dengan kapal H.M.S Rinaldo dan Pluto ke Kuala Selangor untuk menuntut Raja Muda Musa yang berkuasa di kawasan itu supaya menangkap lanun-lanun tersebut.

Pada 3hb. Julai rombongan ini sampai ke Kuala Selangor. Mereka telah menemui Raja Mahmud. Satu pertengkaran telah berlaku apabila Raja Mahmud yang dipaksa naik ke kapal Inggeris itu enggan berbuat demikian. Pertengkaran ini telah menyebabkan satu pergelutan. Akibatnya salah seorang ahli rombongan Inggeris telah terbunuh dan enam lagi tercedera. Walau bagaimanapun rombongan itu telah dapat melarikan diri ke kapal-kapal mereka.

Pada keesokan harinya, angkatan perang Inggeris telah menyerang dan membedil kubu-kubu dan pekan Kuala Selangor.

Serangan Inggeris ini bermula pada pukul 4.45 pagi apabila kapal perang Inggeris Rinaldo yang memudiki Sungai Selangor telah ditembak dengan meriam-meriam dari kubu-kubu di Kuala Selangor. Tembakan-tembakan ini telah dibalas oleh pihak Inggeris dari kapal Rinaldo dan bertakulah tembak-menembak antara kedua belah pihak. Tiga askar Inggeris telah mengalami kecederaan.

itu sebenarnya nama yang diberikan kepada sebuah busut besar yang di atas bukit itu. di dalam kawasan kota atau kubu yang dikelilingi benteng batu itu. Busut besar itu digunakan untuk menyembunyikan harta kerajaan supaya tidak dirampas oleh pihak Belanda.

Kota itu dibina kira-kira 200 tahun dahulu. semasa pemerintahan Sultan Ibrahim. Ketika itu Selangor bermusuhan dengan Belanda. Pada tahun 1784 kubu itu jatuh ke tangan Belanda. Pihak Belanda telah memperkukuh benteng kota itu dan menukarkan namanya



Rumah api Kuala Selngor yang terletak di atas Bukit Malawati.

kepada Kota Altingsburg, mengambil sempena nama Jeneral Altings, Gabenor Jeneral Belanda yang tinggal di Melaka.

Apabila Kuala Selangor jatuh ke tangan Belanda, Sultan Ibrahim dan puteranya Raja Nala serta Syed Juphor menyeberang kuala Sungai Selangor dan berundur ke Bukit Raja di Permatang sebelum menuju ke Hulu Selangor dan kemudian ke Pahang.

Sultan Ibrahim kembali semula ke Kuala Selangor pada tahun 1785 dan berjaya menawan kubu di atas bukit itu dengan bantuan Bendahara Abdul Majid (Pahang), Raja Nala dan penggawa Permatang.

Kampung Permatang dilihat dari Kota Bukit Malawati. Ke sinilah Sultan Ibrahim melarikan diri selepas Kuala Selangor jatuh ke tangan Belanda. Selepas itu baginda berundur ke Pahang. Baginda kembali dan berjaya merampas semula kota ini dari tangan Belanda.



Bukit di Kuala Selangor ini sangat curam dan letaknya di tepi laut. Di kawasan Kota Malawati terdapat beberapa pucuk meriam. Meriam-meriam itu mengarah ke laut dan digunakan untuk menembak kapal musuh yang belayar berhampiran dengan bukit itu. Di samping itu, dalam kota itu juga terdapat Makam Diraja, Telaga Tujuh, Tangga Seratus dan Batu Hampar, tempat yang dipercayai digunakan untuk memancung pesalah.

Kota Bukit Malawati

Kota ini telah dibina oleh orang tempatan semasa pemerintahan Sultan Selangor yang kedua, Sultan Ibrahim (1778-1826).

Kedudukannya yang amat strategik sebagai kota pertahanan dan juga sebagai tapak istana sultan. Binaannya yang baik melambangkan kemahiran seni pertukangan Melayu dalam kurun kelapan belas. Beberapa ciri pembinaannya mengikut bentuk barat dengan dilengkapi meriam-meriam.

Sejarah kota ini bermula dengan kejatuhan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) selepas Perang Inggeris-Belanda Keempat (1780-1784). Setelah kuasa Belanda menjadi lemah, Selangor berserta dengan Johor dan Riau telah melanggar Melaka yang dikuasai Belanda. Tetapi serangan itu gagal. Belanda bertindak balas dan berjaya menawan Kuala Selangor pada bulan Julai 1784. Oleh kerana telah runtuh semasa ditawan itu, kota ini diperbaiki dan diperkuatkan lagi untuk menahankan serangan Sultan Ibrahim serta pengikut-pengikutnya yang telah sempat melarikan diri pada saat-saat kejatuhannya. Semasa pemerintahan Belanda, kota ini dinamakan Kota Altingsburg bersempena nama Gabenor Jeneral Belanda, Gabenor Altings. Namun demikian, pada 28 Jun 1785, kota ini ditawan semula oleh Sultan Ibrahim. Dari tarikh itu hingga campur tangan Inggeris dalam tahun 1874, kota ini terus menjadi rebutan. Malah kota ini seringkali menjadi medan pertempuran antara anak-anak raja Selangor, orang Selangor dengan penjajah Inggeris dan orang Selangor dengan Pahang.

MORIB

Morib merupakan tempat perkelahan yang terkenal dengan keindahan pantainya. Setiap hujung minggu Pantai Morib dikunjungi ramai pelancong. Walaupun begitu, tidak banyak orang yang tahu akan kisah di sebalik nama Morib.

Banyak nenek moyang penduduk negara kita berasal dari tanah asing. Orang Minangkabau yang datang dari Sumatera tiba di kawasan pantai yang kini dipanggil Morib.

Mereka berehat untuk menikmati bekalan yang dibawa sambil memerhatikan keadaan alam sekitar. Mereka kagum dengan keindahan tempat itu tetapi tidak seorang pun yang mengetahui namanya.

Setelah selesai makan mereka meninjau ke sekitar tempat itu. Mereka mendapati tempat itu sesuai untuk dijadikan tempat pendaratan bagi mereka berulang-ali ke Sumatera.

Kebanyakan pendarat itu memulakan perniagaan dari tempat baru itu.

Barang-barang dagangan mereka terdiri daripada hasil kerja tangan seperti ukiran kayu, kain songket, barangan perak dan perkakas tembaga. Mereka berdagang ke merata tempat di negeri Selangor.

Antara barang jualan mereka yang mendapat perhatian ramai ialah dulang yang pelbagai jenis. Dulang yang mereka bawa mendapat pasaran yang baik. Dalam majlis perkahwinan, dulang tembaga yang berkaki akan diisikan pulut kuning, bunga telur dan sebagainya. Perhiasan ini dipertontonkan kepada para tetamu majlis sewaktu berlangsungnya upacara persandingan serta berina pengantin. Persembahan bunga telur dan pulut kuning dengan menggunakan dulang tersebut itu dinamakan semerit.

Perusahaan dulang semerit itu begitu popular hingga lama-kelamaan tempat itu dipanggil Semerit. Sebutan Semerit kemudian diringkaskan menjadi Morib.

PETALING JAYA

Sejarah Petaling Jaya, bandar satelit Kuala Lumpur, bermula pada Zaman Darurat. Pada masa itu Kuala Lumpur sudah pesat membangun dan di kawasan pinggirannya mula bercambah rumah-rumah setinggan. Keadaan yang tidak terkawal ini tidak menyenangkan pihak pentadbir kerana dalam keadaan sedemikian masalah keselamatan sukar untuk diatasi. Pada zaman itu pihak komunis sering menjadikan penduduk di pinggirannya sasaran mereka.

Daripada penduduk yang tidak dilindungi inilah mereka mendapatkan bekalan makanan dan juga pengikut-pengikut baru. Zaman darurat yang bermula pada tahun 1948 telah mengugatkan kedudukan kerajaan British yang baru sahaja mengambil alih daripada BMA iaitu British Military Army. Banyak pejuang berbangsa Cina yang sama-sama menentang Jepun dalam Peperangan Dunia Kedua tidak puas hati dengan tindakan British



mengetepikan mereka daripada terlibat dalam pentadbiran negara yang baru terlepas daripada cengkaman kerajaan kuku besi Jepun pada masa itu. Lantaran itu mereka mengambil keputusan untuk merampas kuasa melalui kekerasan. Mereka menggunakan taktik gerila dan bertindak dari hutan. Antara pembesar yang menjadi mangsa tindakan mereka ialah Sir Henry Gurney yang telah dibunuh ketika dalam perjalanan pulang dari Bukit Fraser. Banyak anak muda yang terpengaruh dengan ideologi mereka. Kerajaan British sedar mereka harus melakukan sesuatu untuk membendung kuasa yang semakin menular itu.

Pada tahun 1952, idea untuk membangunkan kawasan ladang getah ke selatan Kampung Petaling, mula dilaksanakan. Pada tahun berikutnya terbentuklah Lembaga Perbandaran Petaling Jaya (Petaling Jaya Municipal Board). Dari tarikh itu Petaling Jaya terus berkembang maju. Apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dikekalkan sebagai sebahagian

daripada wilayah negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kampung Petaling termasuk di dalam sempadan Kuala Lumpur.

Kampung itu sebenarnya suatu kawasan yang luas, meliputi kawasan di tebing Sungai Kelang dari pinggir Kampung Atap hingga ke sekitar Taman Seputeh sekarang. Sebelum Petaling Jaya dibangunkan terdapat sebuah stesen keretapi yang penting di antara Kuala Lumpur dan Kelang. Stesen itu terletak kira-kira sebelas kilometer dari Kuala Lumpur dan dipanggil Stesen Petaling. Kawasan yang berhampiran dengan stesen itu telah membangun sebagai bandar lama Petaling Jaya.

Petaling ialah nama sejenis pokok. Pokok petaling dahulu banyak terdapat di Bukit Petaling. Kayu petaling keras dan amat berguna sebagai tiang rumah kerana tidak mudah dimakan anai-anai.

'Jaya' adalah perkataan Sanskrit. Perkataan itu telah digabungkan dengan perkataan 'Petaling' sebagai nama bandar baru itu. Nama ini mencerminkan harapan para perancang bandar tersebut.

TELUK PANGLIMA GARANG

Ada pelbagai cerita berkenaan asal usul nama Kampung Teluk Panglima Garang. Namun tiada satu pun yang dapat dipastikan sepenuhnya. Ini disebabkan tidak ada bukti jelas untuk memberikan gambaran kawasan itu semasa mula diterokai.

Menurut penduduk yang ditemui, ada suatu kisah ngeri yang telah berlaku di situ beberapa abad yang lalu. Asalnya kampung tersebut diduduki oleh sekumpulan orang asli keturunan Temuan.

Mereka hidup berpindah-randah, bukan sahaja

kerana mencari rezeki tetapi kerana takut diserang oleh orang Rawa. Mereka tidak berupaya untuk menentang serangan orang Rawa yang dibantu oleh orang Batak.

Orang Rawa melancarkan serangan melalui Sungai Langat. Untuk mengelakkan serangan tersebut suku Temuan itu terpaksa berpindah ke kawasan pedalaman. Kononnya mereka telah berpindah ke salah sebuah kampung yang telah lama ditinggalkan. Di kampung tersebut mereka menjumpai kesan peninggalan

Sekolah Teluk Panglima Garang.



prasejarah termasuk pinggan mangkuk lama.

Pengunduran kaum Temuan itu sebenarnya telah membuka peluang kepada orang Rawa untuk mengambil alih menduduki kampung yang baru ditinggalkan itu. Segala kemudahan yang digunakan oleh orang Temuan juga digunakan oleh orang Rawa.

Tidak ada sesiapa pun yang berani bertindak balas. Menurut orang tua-tua di situ, disebabkan oleh penduduk kaum itulah maka nama kampung yang asalnya didiami suku Temuan itu kekal dengan nama Kampung Batak.

Sementara itu sebuah kampung yang berteluk di tebing Sungai Langat ketika itu dikuasai oleh seorang ketua yang garang, ganas serta gagah. Tidak ada anak buahnya yang berani membantah suruhannya. Walau bagaimanapun, anak-anak buahnya sentiasa dilindungi daripada segala ancaman. Lelaki yang menjadi ketua penduduk di situ seorang panglima. Musuh takut untuk mengusik kampung itu.

Selain daripada itu, ada satu sifat panglima itu yang paling digeruni oleh penduduk di situ. Dia tidak berperikemanusiaan. Kerjanya setiap hari hanya melihat dan mengawasi pergerakan setiap perahu atau kapal yang melalui sungai itu. Muatan kapal dan perahu yang lalu di situ dirampas mengikut kemahuannya. Anak-anak gadis yang cantik semuanya ingin diperkosanya. Tidak cukup dengan itu, kadangkala isteri orang juga dijadikan mangsa hawa nafsunya. Lantaran sifat dan gelagat panglima itulah dipercayai kampung tersebut mendapat nama Teluk Panglima Garang.

Cerita ini tidak dapat diterima oleh

setengah-setengah pihak. Mereka mengatakan ada peristiwa lain yang menyebabkan kampung tersebut dinamai sedemikian.

Satu kisah lagi yang kerap diceritakan oleh orang tua-tua di situ ialah mengenai perihal kegagahan seorang lelaki. Kegagahan lelaki itu memang tidak ada tandingannya pada waktu itu. Kegagahannya itu sudah terbukti dengan kejayaannya membunuh binatang buas di sekitar kampungnya tanpa banyak halangan. Binatang-binatang buas itu termasuklah harimau dan gajah. Lelaki itu mempunyai sifat yang baik dan penyayang. Dia membela kampung daripada ancaman pihak musuh yang cuba untuk mengganggu kawasan tersebut.

Oleh kerana keberaniannya itulah dia telah diberi gelaran Panglima Garang oleh penduduk di situ. Setiap kali dia berhadapan dengan pihak musuh atau binatang buas, dia tidak memerlukan sesiapa pun untuk membantunya. Dia mampu menentang lawannya seorang diri.

Panglima Garang pantang mendengar tentang penderitaan, penindasan, pencerobohan dan sebagainya. Darah pahlawan yang mengalir di dalam tubuhnya segera menyirap andainya perkara seumpama itu diketahuinya. Dia bertindak pantas untuk menentangnya.

Adalah dipercayai kerana kegagahan dan ketokohan lelaki itulah maka kampung tempat kelahirannya itu dinamai Kampung Teluk Panglima Garang. Namanya disemadikan bagi mengingati jasa-jasa yang ditaburkan olehnya terhadap penduduk kampung tersebut.